




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 3





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA Pengurusan Projek Pembangunan	3
JABATAN AGAMA ISLAM Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Dan Logo Halal	17
TABUNG AMANAH MELAKA Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	33
PENUTUP	53



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuh. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2013 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di satu Jabatan, satu Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 7 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

19 September 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT NEGERI MELAKA

- Pengurusan Projek Pembangunan

1.1. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau lebih dikenali sebagai PERTAM telah ditubuhkan pada 14 Mei 1991 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991. Antara fungsi dan kuasa-kuasa PERTAM adalah untuk membangun dan memajukan Tanah Adat Melaka atau *Malacca Customary Lands* (MCL). Aktiviti utama PERTAM adalah membangunkan sektor harta tanah sama ada secara maju sendiri, usahasama atau penswastaan selaras dengan matlamat menjadikan PERTAM sebagai sebuah agensi yang terunggul pada suatu masa kelak. Tanah-tanah yang dibangunkan adalah terdiri daripada tanah PERTAM sendiri, tanah dari pengambilan balik tanah kerajaan atau tanah milik orang perseorangan atau syarikat. Dari tahun 2010 hingga 2013, PERTAM telah berjaya melaksanakan 19 projek pembangunan secara usahasama dan dibangunkan sendiri. Dari 19 projek ini, 9 merupakan projek pembangunan Bandar Jasin Bestari manakala 10 projek lagi terdiri dari Projek Kos Rendah Taman Kendidi Ayer Paabas, Projek Bercampur Semabok dan lain-lain lagi. Dari keseluruhan projek ini 5 projek merupakan projek yang dibangunkan sendiri oleh PERTAM manakala selebihnya adalah merupakan projek usahasama. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 perolehan dan pendapatan PERTAM dari projek pembangunan adalah berjumlah RM5.37 juta bagi tahun 2010, RM1.82 juta bagi tahun 2011, RM9.96 juta bagi tahun 2012 dan RM17.7 juta bagi tahun 2013.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek PERTAM adalah memuaskan dengan menyumbang perolehan sejumlah RM33.87 juta untuk tempoh tahun 2010 hingga 2014. Bagaimanapun beberapa kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembangunan projek Tanah Adat Negeri Melaka kurang dibangunkan.
- Balasan projek usahasama lewat diterima oleh PERTAM.
- Projek pembangunan bermasalah.
- Denda lewat dikenakan terhadap projek pembangunan di Bandar Jasin Bestari.

1.3. Bagi memastikan Pengurusan Projek Pembangunan PERTAM diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, adalah disyorkan supaya langkah-langkah berikut di ambil:

1.3.1. PERTAM turut memberi fokus terhadap pembangunan tanah-tanah MCL selaras dengan objektif penubuhan PERTAM.

1.3.2. Mewujudkan jawatan khas bagi memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan menentukan balasan yang dipersetujui diterima tanpa kelewatan.

2. JABATAN AGAMA ISLAM

- Pengurusan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Dan Logo Halal

2.1. Sijil Pengesahan Halal (SPH) dan Logo Halal dikeluarkan bagi memberi pengiktirafan dan jaminan kepada produk makanan atau bahan gunaan untuk menghasilkan makanan. Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab mengeluarkan SPH dan Logo Halal kepada premis makanan dan bahan gunaan orang Islam mengikut garis panduan dan prosedur JAKIM. Pada tahun 2009, Malaysia telah mengeluarkan Standard Halal MS1500:2009 (Semakan Kedua) iaitu garis panduan bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal pertama di dunia. Pemakaian sijil dan logo halal adalah tidak mandatori tetapi apabila disalah guna dengan mempamerkan logo palsu, pengusaha boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan pengeluaran SPH dan Logo Halal adalah kurang memuaskan walaupun ada peningkatan dari segi jumlah permohonan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Bilangan pemegang Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal adalah kecil berbanding pemegang lesen perniagaan berkaitan makanan.
- Kelewatan dalam pengeluaran Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal.
- Kelewatan pemeriksaan premis perniagaan pemohon.
- Pemantauan terhadap premis yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.
- Penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad.

2.3. Bagi memastikan pengurusan Sijil Halal dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan seterusnya dapat menarik kesedaran terhadap kepentingan SPH dan Logo Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM) disyorkan supaya mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.3.1. Meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan setelah penambahan kakitangan diluluskan dan perwakilan kuasa yang telah diberikan oleh KPDKKK. JAIM juga

perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha/pemilik premis yang melanggar syarat-syarat serius pensijilan Halal.

2.3.2. Memperhebat promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik bagi meningkatkan kesedaran pengusaha dan pengguna tentang kepentingan SPH.

3. TABUNG AMANAH MELAKA

- Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.

3.1. Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH) telah ditubuhkan pada bulan Julai 2003. Ia mengambil alih Syarikat Kumpulan Melaka Recreations & Resort Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada bulan Julai 1995. Modal dibenarkan berjumlah RM1 juta manakala modal berbayarnya ialah RM0.60 juta. MICTH dimiliki 100% oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah Tabung Amanah Melaka. Jenis perniagaan yang dijalankan oleh MICTH ialah pembangunan infrastruktur, perkongsian perkhidmatan, teknologi komuniti pintar, memperdagangkan produk dan servis inkubator K-ekonomi Melaka, penyelidikan dan pembinaan teknologi maklumat dan komunikasi, pembinaan aplikasi dan perkhidmatan teknologi maklumat. MICTH telah dianugerahkan status Multimedia Super Corridor (MSC) pada pertengahan bulan Julai 2004.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2014 mendapati kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2008 telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh MICTH. Begitu juga didapati prestasi kewangan MICTH dan tadbir urus korporat adalah baik. MICTH juga telah mematuhi peraturan/amalan terbaik berkaitan tadbir urus korporat. Manakala pengurusan aktiviti MICTH pula didapati memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti berikut:

- Menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar beroperasi tanpa permit dan penyenggaraan tidak dibuat.
- Kualiti komputer 1Malaysia yang dibekalkan kurang memuaskan.
- LED TV hilang dan hasil keuntungan operasi LED TV tidak diperoleh.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.

3.3. Bagi memastikan Pengurusan Syarikat telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan adalah disyorkan supaya MICTH mengambil langkah-langkah berikut:

3.3.1. MICTH perlu memastikan setiap menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar disenggara dan mempunyai permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya ia dapat beroperasi secara sah.

3.3.2. MICTH perlu mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan semula Komputer 1Malaysia atau ganti rugi terhadap 236 unit komputer rosak yang masih belum dipulangkan oleh kontraktor.

3.3.3. Perjanjian kerjasama bagi sesuatu projek hendaklah segera ditandatangani bagi melindungi kepentingan MICTH supaya kes kerugian seperti kehilangan LED TV Batam tidak berulang dan dapat dielakkan.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA

1. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka lebih dikenali sebagai PERTAM telah ditubuhkan pada 14 Mei 1991 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka 1991. Antara fungsi dan kuasa-kuasa PERTAM adalah untuk membangun dan memajukan Tanah Adat Melaka atau *Malacca Customary Lands* (MCL). PERTAM mula beroperasi pada 16 Februari 1992 setelah menerima Geran Pelancaran daripada Kerajaan Negeri Melaka sebanyak RM2.0 juta. Sehingga kini, PERTAM telah pun menjalankan beberapa projek pembangunan yang melibatkan Tanah Adat Melaka dan lain-lain jenis tanah termasuk tanah estet melalui proses pengambilan balik tanah.

1.1.2. Aktiviti utama PERTAM adalah membangunkan sektor harta tanah sama ada secara maju sendiri, usahasama atau penswastaan selaras dengan matlamat menjadikan PERTAM sebagai sebuah agensi yang terunggul di masa hadapan. Tanah-tanah yang dibangunkan adalah terdiri daripada tanah PERTAM sendiri, tanah dari pengambilan balik tanah kerajaan atau tanah milik orang perseorangan atau syarikat. Dari tahun 2010 hingga 2013, PERTAM telah berjaya melaksanakan 19 projek pembangunan secara usahasama dan dibangunkan sendiri. Dari 19 projek ini, 9 merupakan projek pembangunan Bandar Jasin Bestari manakala 10 projek lagi terdiri dari Projek Kos Rendah Taman Kendidi Ayer Paabas, Projek Bercampur Semabok dan lain-lain lagi. Dari keseluruhan projek ini, 5 projek merupakan projek yang dibangunkan sendiri oleh PERTAM manakala selebihnya adalah merupakan projek usahasama.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 perolehan dan pendapatan PERTAM daripada projek pembangunan adalah sejumlah RM5.37 juta bagi tahun 2010, RM1.82 juta tahun 2011, RM9.96 juta tahun 2012 dan RM17.7 juta tahun 2013.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan PERTAM telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif penubuhannya.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembangunan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Semakan telah dilakukan ke atas fail, daftar, minit mesyuarat dan lain-lain rekod berkaitan dengan pengurusan projek pembangunan. Selain itu, temu bual dengan pegawai PERTAM serta lawatan Audit ke tapak projek juga telah dilakukan. Sebanyak 6 sampel projek telah diambil untuk diaudit daripada jumlah keseluruhan 19 projek pembangunan PERTAM.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek pembangunan PERTAM adalah memuaskan dengan menyumbang perolehan sejumlah RM33.87 juta untuk tempoh 2010 hingga 2014. Bagaimanapun beberapa kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pembangunan projek Tanah Adat Negeri Melaka kurang dibangunkan.
- Balasan projek usahasama lewat diterima oleh PERTAM.
- Projek pembangunan bermasalah.
- Denda lewat dikenakan terhadap projek pembangunan di Bandar Jasin Bestari.

1.4.1. Prestasi Perolehan Projek Pembangunan

1.4.1.1. Dari tahun 2010 hingga 2013, PERTAM telah berjaya melaksanakan 19 projek pembangunan secara usahasama dan dibangunkan sendiri. Dari 19 projek pembangunan ini, 9 merupakan projek pembangunan Bandar Jasin Bestari. PERTAM telah menjalankan 14 projek pembangunan secara usahasama dan 5 secara sendiri bagi tahun 2010 sehingga tahun 2013.

1.4.1.2. Secara keseluruhan, PERTAM memperolehi pendapatan kasar melalui projek pembangunan ini berjumlah RM177.74 juta iaitu sejumlah RM143.87 juta dari projek pembangunan Bandar Jasin Bestari dan RM33.87 juta pula dari projek selain dari Bandar Jasin Bestari. Sehingga tahun 2014, 2 projek pembangunan telah siap sepenuhnya dan baki 17 projek lagi masih dalam pembinaan. Dari 17 projek tersebut, 2 projek merupakan projek yang diambil alih dan dibangunkan semula oleh PERTAM. Projek yang dimaksudkan ialah Projek Kampung Tersusun Ayer Paabas Alor Gajah dan Projek Pembangunan Bercampur Semabok dan Padang Temu Melaka. Maklumat projek pembangunan PERTAM dari tahun 2010 sehingga tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 1.1** dan **Jadual 1.2**.

Jadual 1.1**Projek Pembangunan PERTAM Selain Dari Bandar Jasin Bestari Dari Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Pemaju	Perihal Projek Usahasama	Luas Tanah	Kos Pembangunan (RM Juta)	Nilai Balasan (RM Juta)	Balasan Yang Telah Diterima (RM Juta)
1	NEB Development Sdn. Bhd.	Pembangunan Tanah Mukim Sebatu (Taman Seri Pertam Fasa 3B)	15,741 mps	14.00	2.73	0.88
2	Limasjaya Sdn. Bhd.	Pembangunan Tanah Mukim Sebatu (Taman Seri Pertam Fasa 3C)	5,718 mps	-	1.10	0.22
3	Derau Emas Sdn. Bhd.	Pembangunan Tanah Melaka Pindah	47.64 ekar	48.66	9.70	0.90
4	Derau Emas Sdn. Bhd.	Pembangunan Tanah Melaka Pindah	19.87 ekar	33.66	5.10	-
5	PERTAM	Pembangunan Projek Kampung Tersusun Ayer Paabas	23 ekar	1.75	4.60	2.94
6	PERTAM	Pembangunan Projek Kampung Tersusun Tebong,Kuala Sungga	30 ekar	2.43	2.76	2.59
7	PERTAM	Pembangunan Pembinaan Rumah Kediaman Taman Permatang Ilmu	3.931ekar	3.56	4.83	0.04
8	PERTAM	Pembangunan Projek Kampung Tersusun Kesang Pajak, Jasin	7.05 ekar	1.12	1.82	0.87
9	Jun Cheng Construction Sdn. Bhd.	Pembangunan Semabok dan Padang Temu	7.56 ekar	42.22	1.10	0.11
10	Kaedah Cemerlang Sdn. Bhd	Pembangunan Unit-Unit Kedai/ Pejabat Di Bachang	3.7663 hektar	25.25	0.13	0.13
Jumlah				172.65	33.87	8.68

Sumber: PERTAM

Jadual 1.2
Projek Pembangunan PERTAM Di Bandar Jasin Bestari Dari Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Pemaju/ Syarikat	Perihal Projek	Luas	Kos Pembangunan (RM Juta)	Nilai Balasan (RM Juta)	Balasan Yang Telah Diterima (RM Juta)	Status Projek (RM Juta)
1	PERTAM	Kampung Tersusun	50 ekar	-	9.20	9.17	
2	Mydin Holding Sdn Bhd	Jualan Tanah Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	15 ekar	-	7.40	7.30	Siap sepenuhnya
3	Sialin Holdings Sdn. Bhd.	Projek Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	14.3 ekar	58.66	12.70	31.03	
4	Sialin Holdings Sdn. Bhd.	Projek Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	20.38 ekar	18.40	3.60		
5	Sialin Holdings Sdn. Bhd.	Projek Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	43.9 ekar	82.07	22.00		Dalam proses disiapkan
6	Kadar Bistari Sdn. Bhd.	Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	9.45 ekar	37.16	7.43	1.97	
7	Pemaju Suria Sdn. Bhd.	Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	34 ekar	81.37	16.00	1.90	
8	Grand Esplanade Sdn. Bhd.	Jualan Tanah Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	107 ekar	-	37.36	0.75	
9	BJB Height Sdn. Bhd.	Pembangunan Unit-Unit Kedai /Pejabat dan rumah	36 ekar	28.18	28.18	-	
Jumlah				305.84	143.87	52.12	

Sumber: PERTAM

1.4.2. Tanah MCL Kurang Dibangunkan

1.4.2.1. Enakmen PERTAM jelas menekankan penubuhan PERTAM sebagai sebuah agensi yang ditubuhkan bagi membangunkan Tanah Adat Negeri Melaka atau *Malacca Customary Lands (MCL)* iaitu dengan lain maksud membangunkan tanah bagi orang-orang Melayu Negeri Melaka.

1.4.2.2. Semakan Audit mendapati PERTAM telah memajukan 19 projek sepanjang tahun 2010 hingga 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 sahaja tanah MCL dibangunkan dan selebihnya adalah tanah bukan MCL yang merupakan tanah pegangan

bebas atau pajakan. Sehingga bulan Disember 2013, keluasan tanah MCL bagi seluruh Negeri Melaka adalah berjumlah 38,606.59 hektar dan PERTAM hanya membangunkan sebanyak 8.57 hektar atau hanya 0.02% tanah MCL bagi seluruh Negeri Melaka dari tahun 2009 hingga sekarang. Tanah MCL yang dibangunkan ini merupakan tanah bagi projek perumahan dan unit-unit kedai dan pejabat. Senarai tanah MCL yang dibangunkan adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Tanah MCL Yang Dibangunkan Oleh PERTAM Dari Tahun 2010 Hingga 2013

Bil.	Pemaju	Butiran Projek	Luas Tanah (Hektar)	Bil. Projek Diperolehi	Kos Pembangunan (RM Juta)
1	PERTAM	Pembangunan tanah di Kesang Pajak	2.85	1	3.56
2	PERTAM	Pembangunan tanah di Kuala Sungai Baru	1.95	1	1.12
3	Kaedah Cemerlang Sdn. Bhd.	Pembinaan Unit-Unit Kedai/Pejabat	3.77	1	25.25

Sumber: PERTAM

1.4.2.3. Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, menjelaskan PERTAM telah berusaha untuk membeli dan memajukan tanah-tanah berstatus MCL sama ada maju sendiri atau usahasama. Disamping itu, PERTAM telah menambahkan bilangan status tanah MCL dengan menambah 7 projek baru dan satu projek yang sedia ada. Jumlah keseluruhan tambahan tanah MCL ini berjumlah 102.75 hektar.

Pada pendapat Audit, pembangunan tanah MCL oleh PERTAM adalah tidak memuaskan kerana PERTAM hanya membangunkan 0.02% sahaja tanah MCL di Negeri Melaka dan pembangunan tanah MCL masih jauh berkurangan dan tidak sejajar dengan objektif penubuhannya.

1.4.3. Balasan Projek Usahasama Lewat Diterima Oleh PERTAM

1.4.3.1. Setiap projek pembangunan yang dijalankan secara usahasama, PERTAM akan menerima balasan sebagai tuan tanah atau rakan kongsi. Balasan yang sepatutnya diterima bagi 19 projek yang dibangunkan adalah berjumlah RM177.74 juta terdiri daripada RM143.87 juta untuk Projek Pembangunan Bandar Jasin Bestari dan RM33.87 juta daripada projek Pembangunan selain dari Bandar Jasin Bestari. Bayaran balasan akan diterima secara berperingkat sehingga projek selesai. Sehingga bulan Januari 2014, sejumlah RM60.8 juta telah diterima dan baki berjumlah RM116.94 juta masih lagi belum dijelaskan oleh pemaju. Senarai balasan projek pembangunan PERTAM dari tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Balasan Projek Pembangunan PERTAM Dari Tahun 2010 Hingga 2014

Bil.	Projek	Bilangan Projek	Balasan Patut Terima (RM Juta)	Balasan Telah Terima (RM Juta)	Balasan Belum Terima (RM Juta)
1	Projek Bandar Jasin Bestari	9	143.87	52.12	91.75
2	Projek Selain Bandar Jasin Bestari	10	33.87	8.68	25.19
Jumlah			177.74	60.8	116.94

Sumber: PERTAM

a. Projek Pembangunan Taman Seri PERTAM

- i. Projek pembangunan Taman Seri PERTAM Fasa 3B, Ayer Tawar, Mukim Sebatu, Daerah Jasin telah diserahkan untuk dibangunkan secara usahasama dengan Syarikat Northern Elevator Berhad (NEB) pada 23 Mac 2010. Berdasarkan perjanjian usahasama ini, balasan keseluruhan yang akan diterima oleh PERTAM berjumlah RM3.85 juta. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM2 juta dibayar secara *in kind* iaitu 14 unit rumah teres setingkat. Balasan *in kind* ini sepatutnya diserahkan kepada PERTAM pada atau sebelum 23 September 2012 iaitu dalam tempoh 30 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani. Sekiranya NEB gagal menyerahkan *in kind* dalam tempoh yang ditetapkan, NEB hendaklah membayar faedah kelewatan sebanyak 10% setahun atas baki pulangan yang belum dijelaskan.
- ii. Semakan Audit mendapati NEB telah menyerahkan hanya 1 unit kediaman kepada PERTAM pada Januari 2011 bernilai RM146,000. Baki 13 unit kediaman bernilai RM1.85 juta masih belum diterima sehingga pengauditan dijalankan. PERTAM telah mengenakan caj kelewatan kepada NEB di atas kelewatan penyerahan *in kind* ini berjumlah RM160,000 setakat 28 Februari 2014. Caj kelewatan ini juga masih belum dijelaskan oleh NEB. Kesannya PERTAM masih belum dapat menjana hasil ke atas lot-lot rumah yang sepatutnya telah dimiliki.
- iii. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan baki 13 unit kediaman teres setingkat dari NEB Development Sdn. Bhd. bernilai RM1.85 juta masih belum boleh diterima kerana pihak PERTAM tidak berpuas hati dengan keadaan unit-unit rumah berkenaan dan masih belum dibuat pemeriksaan oleh jabatan-jabatan teknikal. Susulan dari itu, PERTAM bersama Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) telah mengadakan perbincangan dengan NEB Development Sdn. Bhd. dan perundingnya mengenai *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* yang telah dikeluarkan tetapi tidak diperakukan oleh MPJ. Kelewatan menyerahkan unit-unit rumah berkenaan menyebabkan NEB Development Sdn. Bhd. dikenakan denda lewat 10% berjumlah RM0.36 juta yang dikira sehingga 31**

Ogos 2014. Certificate of Fitness for Occupations (CFO) dijangka diperolehi pada akhir bulan September 2014.

b. Projek Perumahan Kos Rendah Taman Kedidi Mukim Ayer Paabas

- i. Projek perumahan ini adalah usahasama antara PERTAM dan Bina Yazid Sdn. Bhd. bagi merancang untuk membangunkan tanah seluas 23.458 ekar sebagai Projek Kampung Tersusun Ayer Paabas, Alor Gajah Melaka. PERTAM telah melantik Syarikat PERTAM Construction Sdn. Bhd. (PCSB) untuk memantau dan menyelia projek berkenaan dan perjanjian telah ditandatangani pada 2hb Oktober 2002. Perjanjian menyatakan balasan yang perlu dibayar oleh pemaju kepada PERTAM seperti klaus 4.2 dan klaus 5 adalah berjumlah RM90,000 dan *performance bond* berjumlah RM100,000. Bayaran perlu dilakukan selepas 3 bulan perjanjian ditandatangani.
- ii. Semakan Audit mendapati tiada bayaran dilakukan selepas tiga bulan perjanjian ditandatangani walaupun surat peringatan telah dikeluarkan. PERTAM juga telah memberi masa yang terlalu lama kepada pihak pemaju namun masih gagal melunaskan bayaran seperti di dalam perjanjian sehingga salah kontrak ditamatkan pada 4 Februari 2010 kerana projek tidak dapat disiapkan. Projek ini seterusnya dibangunkan sendiri oleh PERTAM selepas penamatan kontrak.
- iii. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan Syarikat Bina Yazi Sdn. Bhd. telah gagal menyiapkan projek ini dan telah menyerahkan semula projek ini kepada PERTAM melalui *Deed Of Termination* pada 4 Februari 2010 tanpa menuntut sebarang kos. PERTAM telah meneruskan projek tersebut dengan Pembangunan Kampung Tersusun sebanyak 118 Lot Banglo dan telah berjaya menjual keseluruhan lot-lot tersebut. PERTAM telah menerima Hakmilik Individu (pindaan) dari Pejabat Tanah Alor Gajah melalui Jurukur Ledang Consultant pada 6 Ogos 2014. Tuntutan akhir bayaran 25% atau RM1.64 juta telah dikemukakan kepada pembeli pada 21 Ogos 2014. Majlis Penyerahan Hakmilik Individu kepada pembeli akan diadakan pada akhir bulan Oktober 2014.**

c. Projek Pembangunan Lesung Batu

- i. PERTAM telah menandatangani perjanjian usahasama dengan sebuah syarikat pemaju iaitu Derau Emas Sdn. Bhd. (DESB) pada 28 Jun 2012 bagi memajukan tanah seluas 37.83 ekar di Lesung Batu, Mukim Melaka Pindah, Daerah Alor Gajah. Komponen pembangunan bagi projek ini adalah terdiri daripada rumah banglo 1 tingkat dan 2 tingkat yang akan dijual pada harga kurang daripada RM0.3 juta seunit dengan keluasan minima 5,000 kaki persegi. Nilai jualan kasar (GDV) bagi projek ini adalah berjumlah RM49.38 juta. DESB juga bersetuju untuk membayar sejumlah RM9.88 juta atau 20% daripada nilai jualan kasar atau

RM6.00 sekaki persegi sebagai balasan kepada PERTAM secara berperingkat. Faedah kelewatan sebanyak 10% setahun mengikut kiraan harian akan dikenakan terhadap syarikat DESB sekiranya gagal membuat pembayaran berdasarkan kepada tuntutan dalam perjanjian.

- ii. Semakan Audit mendapati pada 2 Ogos 2013, PERTAM telah mengeluarkan surat tuntutan berjumlah RM0.4 juta kepada DESB kerana DESB telah gagal menjelaskan bayaran yang telah ditetapkan berjumlah RM0.4 juta pada 28 Jun 2013. Pada 6 Ogos 2013, DESB telah membayar sebahagian daripada amaun tersebut yang berjumlah RM0.2 juta manakala baki bagi balasan yang dipersetujui berjumlah RM0.2 juta masih belum diterima. Ini kerana PERTAM hanya mengeluarkan surat tuntutan terhadap baki RM0.2 juta berserta faedah pada 14 Mei 2014 selepas hampir setahun bayaran berkenaan lewat diterima.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati PERTAM telah menandatangani perjanjian usahasama tambahan dengan DESB pada 20 Mac 2013 bagi membangunkan projek di atas tanah seluas 19.867 ekar di Mukim Melaka Pindah, Daerah Alor Gajah, Melaka. Mengikut perjanjian DESB perlu membayar sejumlah RM0.32 juta kepada PERTAM dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perjanjian iaitu 20 Mac 2013 atau dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan kebenaran merancang diperolehi, mengikut mana lebih awal. Faedah kelewatan sebanyak 10% setahun mengikut kiraan harian akan dikenakan terhadap syarikat DESB sekiranya gagal membuat pembayaran berdasarkan kepada tuntutan dalam perjanjian. Sehingga bulan April 2014, DESB masih gagal membuat pembayaran yang sepatutnya. Kesannya PERTAM masih belum dapat memperolehi hasil yang sepatutnya diperolehi bagi menjana aktiviti lain.
- iv. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan masih lagi menuntut balasan usahasama serta denda lewat terhadap pemaju DESB mengikut perjanjian yang telah ditandatangani. PERTAM telah menerima Notis Bayaran Premium untuk 3 permohonan Tanah Kerajaan dan Rayuan premium Permohonan Tanah Kerajaan tersebut masih belum mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri. Juru rancang pihak DESB akan mengemukakan semula Permohonan Kebenaran Merancang pada 9 September 2014 untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), Majlis Perbandaran Alor Gajah.**

d. **Lain-Lain Balasan Belum Terima**

- i. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2014 sejumlah RM10.27 juta balasan yang sepatutnya diterima oleh PERTAM daripada pemaju-pemaju masih belum diterima. Balasan yang masih tidak diterima bagi projek pembangunan Jasin Bestari sehingga tahun 2014 ialah berjumlah RM4.81 juta. Manakala bagi projek pembangunan selain dari Jasin Bestari balasan belum terima sehingga tahun

2014 pula ialah berjumlah RM5.46 juta. Bayaran ini termasuk bayaran berperingkat yang sepatutnya diterima oleh PERTAM. PERTAM menyatakan beberapa tindakan telah dijalankan termasuk mengeluarkan surat peringatan. Kesannya PERTAM tidak dapat menjana pendapatan yang sepatutnya diperolehi untuk tujuan lain. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Jumlah Bayaran Balasan Yang Sepatutnya Diterima Sehingga Tahun 2014

Bil.	Projek	Pemaju	Balasan Tidak Diterima (RM Juta)	Tarikh Balasan Sepatutnya Diterima
1	Bandar Jasin Bestari	Kampung Tersusun BJB	0.02	31.12.2013
2		MYDIN Holdings Sdn. Bhd.	0.09	31.12.2013
3		Kadar Bistari Sdn. Bhd.	1.00	1.12.2013
4		Pemaju Suria Sdn. Bhd.	1.10	14.6.2013
5		Sialin Holdings Sdn. Bhd. (Fasa IV)	1.11	1.12.2013
6		MSMD Resources Sdn. Bhd.	1.49	1.4.2014
7	Lain-Lain Projek	Derau Emas Sdn. Bhd.	0.20	28.6.2013
8		Kampung Tersusun Tebong, Kuala Sungga	0.17	1.12.2013
9		Kampung Tersusun Ayer Paabas	1.66	1.12.2013
10		Limas Jaya Sdn. Bhd.	0.11	29.1.2014
11		Kampung Tersusun Kesang, Jasin	0.94	31.12.2013
12		Taman Permatang Ilmu, Kuala Sungai Baru	2.38	1.12.2013
Jumlah			10.27	

Sumber: PERTAM

- ii. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan sehingga 31 Ogos 2014 tunggakan bayaran balasan tertunggak telah berkurangan sejumlah RM4.18 juta.**

Pada pendapat Audit, penerimaan balasan adalah kurang memuaskan kerana PERTAM lewat menerima balasan yang dipersetujui.

1.4.4. Projek Pembangunan Bermasalah

Setiap projek yang dibangunkan sepatutnya dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan seperti perjanjian. Bagaimanapun beberapa projek pembangunan PERTAM tidak dapat di siapkan seperti berikut:

1.4.4.1. Projek Pembangunan Tidak Siap Sepenuhnya

- a. Projek pembangunan bercampur di Mukim Semabok dan Padang Temu Daerah Melaka Tengah, Melaka merangkumi kawasan seluas 97.287 ekar telah diberi hak

mutlak kepada Farmosa Tiara Sdn. Bhd. (FTSB) melalui Perjanjian Penswastaan di antara PERTAM dan FTSB yang ditandatangani pada 28 September 1996. Mengikut Klausus 8.1 dalam Perjanjian Penswastaan Tambahan yang telah dipersetujui, di antara komponen pembangunan bercampur yang perlu dibina dan disiapkan oleh FTSB ialah pembinaan rumah kediaman kos rendah (pangsapuri) seluas 7.56 ekar dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelancaran projek.

- b. Semakan Audit mendapati FTSB telah gagal menyempurnakan pembinaan unit-unit kediaman kos rendah ini di dalam tempoh yang ditetapkan pada 31 Oktober 2004 walaupun FTSB telah menjelaskan keseluruhan bayaran balasan kepada PERTAM berjumlah RM6.48 juta. Projek ini telah tertangguh selama hampir 9 tahun dan tidak mendapat perhatian yang serius dari PERTAM. PERTAM dan panel peguam hanya mengeluarkan surat peringatan agar FTSB segera menyiapkan projek tersebut namun gagal mendapatkan komitmen dari FTSB. Pada tahun 2011, FTSB telah disenarai hitamkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari melaksanakan sebarang bentuk pembangunan di Melaka kerana melepaskan tanggungjawab daripada membina rumah kos rendah ini.
- c. Semakan lanjut mendapati PERTAM telah bersetuju supaya FTSB menandatangani Perjanjian Tambahan Kedua dan pembatalan Surat Wakil Kuasa dengan PERTAM pada 27 Ogos 2013 di mana FTSB telah bersetuju melepaskan dan dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab atau liabiliti untuk membangunkan pangsapuri kos rendah ini. FTSB akan menyerah balik tanah tersebut kepada PERTAM tanpa dikenakan sebarang kos dan syarat. Kegagalan dan kelewatan pembinaan rumah kos rendah ini menyebabkan hasrat kerajaan Negeri untuk mencapai ‘Satu Rumah Satu Keluarga” tidak tercapai dan memberikan imej yang negatif kepada PERTAM selaku *beneficial owner*.
- d. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan bagi mencapai hasrat kerajaan negeri “Satu Rumah Satu Keluarga” PERTAM telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Syarikat Jun Cheng Development Sdn. Bhd. pada 6 November 2013 dengan nilai balasan RM 1.1 Juta bagi meneruskan pembangunan di kawasan berkenaan dengan Projek Pangsgupri Mampu Milik. Projek ini dijangka dimulakan pada akhir September 2014. Sehingga kini pemaju telah menjelaskan bayaran balasan PERTAM sebanyak RM0.26 juta.**

1.4.4.2. Projek Pembangunan Tidak Diteruskan

- a. **Projek Pembangunan Gadek Alor Gajah**
 - i. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh PERTAM dan tuan tanah, projek di Gadek Alor Gajah ini sepatutnya telah disiapkan dalam tempoh 2 hingga 4 tahun. Perjanjian yang ditandatangani pada 15 Mei 2009 sepatutnya

diciapkan pada 15 Mei 2012. Bagaimanapun sehingga bulan Mei 2013, projek masih belum dimulakan. Kesannya tuan tanah tidak berminat untuk meneruskan projek usahasama dan menegaskan PERTAM telah melanggar syarat-syarat perjanjian iaitu:

- Gagal memohon dan mendapatkan pelan bangunan dalam masa 6 bulan daripada kelulusan pelan susun atur.
 - Gagal memulakan kerja-kerja menaikkan atau mendirikan bangunan.
 - Gagal menyiapkan *landowner Unit*.
- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati PERTAM akan menanggung kerugian sejumlah RM0.2 juta sekiranya projek usahasama ini diteruskan. Tuan tanah tidak berminat untuk meneruskan projek usahasama ini kerana telah terlalu lama dan tiada balasan diterima. Tuan tanah juga menegaskan PERTAM telah melanggar beberapa syarat perjanjian dan ingin menjual tanah ini kepada pemaju lain yang lebih menguntungkan beliau. Kesannya perjanjian usahasama ini tidak dapat diteruskan dan PERTAM terpaksa membeli tanah ini bagi mengelakkan kerugian ke atas kos perbelanjaan pembangunan sejumlah hampir RM0.2 juta yang telah dikeluarkan.
- iii. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan Cadangan Usahasama di antara PERTAM dengan tuan tanah melibatkan kawasan seluas 1.8 ekar. Bagi merealisasikan pembangunan di kawasan ini, PERTAM perlu mendapatkan rakan kongsi bagi meneruskan projek ini. Bagaimanapun, kesukaran mendapatkan rakan kongsi serta kekangan aliran tunai telah menyebabkan projek ini tertangguh untuk dimulakan. Disamping itu, PERTAM menghadapi kenaikan harga barang binaan dan menyebabkan projek ini tidak lagi ekonomik untuk diteruskan. Berdasarkan kepada perbincangan dan persetujuan dengan tuan tanah, PERTAM telah membuat keputusan membeli tanah tersebut untuk dijadikan aset.**

b. Projek Pembangunan Melaka Pindah Alor Gajah

- i. Pejabat Tanah Dan Daerah Alor Gajah melalui surat bertarikh 4 Julai 2013 telah memaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan permohonan PERTAM untuk memiliki tanah seluas 19.867 ekar di Mukim Melaka Pindah, Daerah Alor Gajah, Melaka. PERTAM dikehendaki menjelaskan bayaran premium berjumlah RM1.5 juta kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat tersebut. Tanah ini akan dimajukan oleh Syarikat Derau Emas Sdn. Bhd. (DESB). Permohonan Kebenaran Merancang DESB pada Mac 2013 telah ditolak oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dan DESB dikehendaki mengemukakan semula pelan bangunan dengan menyediakan 30% rumah kos rendah. DESB telah pun

mengemukakan pelan pindaan untuk permohonan kebenaran merancang dengan mengambil kira tanah pembangunan untuk 30% rumah kos rendah pada 18 Julai 2013.

- ii. Semakan Audit mendapati projek pembangunan tanah oleh DESB masih belum dapat dimulakan lagi. Kelewatan projek ini dimulakan disebabkan PERTAM masih menunggu kelulusan rayuan pengurangan bayaran premium yang dikenakan berjumlah RM1.5 juta oleh Pejabat Tanah Dan Daerah Alor Gajah (PDTAG) bagi mendapatkan hakmilik tanah tersebut.
- iii. **Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan permohonan Tanah Kerajaan telah dibuat kepada Pentadbir Tanah Alor Gajah pada 21 Disember 2012 namun hanya mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri pada 4 Julai 2013 (mengambil masa 6 bulan). PERTAM mengemukakan rayuan premium pada 21 Ogos 2013 dan telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 10 Mac 2014 (mengambil masa 6 bulan). PERTAM juga telah mengemukakan rayuan premium kali kedua pada 18 Mac 2014 dan sehingga kini masih belum mendapat keputusan dari Pihak Berkuasa Negeri. Tempoh masa bagi mendapatkan kelulusan rayuan premium ini adalah di luar bidang kuasa PERTAM. Jururancang pihak DESB akan mengemukakan semula Permohonan Kebenaran Merancang pada 9 September 2014 untuk kelulusan Mesyuarat OSC, Majlis Perbandaran Alor Gajah. Kesannya, pihak DESB masih tidak dapat melaksanakan projek tersebut sehingga kini.**

1.4.5. Projek Pembangunan Di Bandar Jasin Bestari

Projek pembangunan di Bandar Jasin Bestari merupakan projek mega yang melibatkan pembangunan tanah seluas 503.9 ekar di Bemban, Jasin. Projek ini merupakan projek usahasama PERTAM dengan TM Facilities Sdn. Bhd. (TMFSB) yang melibatkan 6 Fasa. Tanah ini merupakan tanah milik penuh TMFSB. Berdasarkan Perjanjian Usahasama Pembangunan Tanah di antara PERTAM dan TMFSB dan Surat Kuasa Wakil (PA), PERTAM diberi kebenaran untuk memajukan harta tanah seluas 503.9 ekar. Hasil daripada usahasama ini, TMFSB akan menerima pulangan berjumlah RM64 juta yang akan dibuat pembayaran oleh PERTAM dalam jangka masa 7 tahun mengikut jadual pembayaran berperingkat yang telah ditetapkan. Jumlah tersebut merangkumi nilai kos tanah iaitu *Gross Land Cost (GLC)* berjumlah RM43 juta dan anggaran minimum *Gross Development Value (GDV)* berjumlah RM21 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

1.4.5.1. Tunggakan Bayaran Balasan Kepada TMFSB

Mengikut perjanjian, PERTAM akan membayar *Gross Land Cost* secara tahunan kepada TMFSB sejumlah RM4 juta bagi 2 tahun pertama dan RM7.18 juta bagi tahun ketiga

sehingga tahun ketujuh. Semakan Audit mendapati PERTAM telah membuat pembayaran dari tahun 2011 sehingga 2014 kepada TMFSB sejumlah RM5.4 juta sahaja. Bayaran yang sepatutnya dijelaskan sehingga tahun 2014 ialah sejumlah RM22.36 juta. Sehingga bulan Februari 2014, tunggakan bayaran PERTAM kepada TMFSB yang belum dijelaskan berjumlah RM16.96 juta.

1.4.5.2. Denda Lewat Terus Meningkat Kerana Belum Dijelaskan

Mengikut perjanjian juga, TMFSB berhak mengenakan denda lewat bayar kepada PERTAM sebanyak 2%. Semakan Audit mendapati, PERTAM telah dikenakan denda lewat bayar oleh TMFSB berjumlah RM2.60 juta disebabkan kelewatan PERTAM membuat pembayaran sejak tahun 2012. Butiran berkaitan kadar bayaran, tunggakan serta denda yang dikenakan oleh TMFSB kepada PERTAM adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6

Jadual Pembayaran Berdasarkan Perjanjian Usahasama Pembangunan Di Antara PERTAM Dan TMFSB

Tahun	Nilai Kos Tanah/ <i>Guaranteed Land Cost</i> (RM Juta)	Pembayaran (RM Juta)	Baki Bayaran (RM Juta)	Tunggakan Bayaran Terkumpul (RM Juta)	Denda Lewat (RM Juta)
2010	4.00	0.30	3.70	3.70	2.60 (sehingga 28.2.2014)
2011	4.00	0.40	3.60	7.30	
2012	7.18	0.20	6.98	14.27	
2013	7.18	4.50	2.68	16.96	
2014	7.18	-	-	-	
2015	7.18	-	-	-	
2016	7.18	-	-	-	
Jumlah	43.90	5.40	-	16.96	

Sumber: PERTAM

1.4.5.3. Maklum balas PERTAM bertarikh 10 September 2014, memaklumkan dalam tempoh skop pengauditan dari tahun 2009 hingga 2013, pihak PERTAM telah mengemukakan empat Laporan Kemajuan Projek kepada TMFSB. Laporan Kemajuan Projek suku tahun kepada TMFSB tidak menjelaskan bayaran balasan berjadual PERTAM, sebaliknya bayaran tertunggak kepada TMFSB adalah disebabkan tunggakan bayaran balasan yang diterima daripada pemaju-pemaju.

Pada pendapat Audit, pembangunan projek di Bandar Jasin Bestari terutama yang melibatkan perjanjian tambahan bagi jualan dan tunggakan bayaran kepada TMFSB adalah tidak memuaskan.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Pengurusan Projek Pembangunan PERTAM diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, adalah disyorkan supaya langkah-langkah berikut di ambil:

1.5.1. PERTAM turut memberi fokus terhadap pembangunan tanah-tanah MCL selaras dengan objektif penubuhan PERTAM.

1.5.2. Mewujudkan jawatan khas bagi memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dan menentukan balasan yang dipersetujui diterima tanpa kelewatan.

JABATAN AGAMA ISLAM

2. PENGURUSAN PENGELOUARAN SIJIL PENGESAHAN HALAL DAN LOGO HALAL

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Sijil Pengesahan Halal (SPH) dan Logo Halal dikeluarkan bagi memberi pengiktirafan dan jaminan produk makanan atau bahan gunaan untuk menghasilkan makanan adalah halal kepada masyarakat Islam. Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab mengeluarkan SPH dan Logo Halal kepada premis makanan dan bahan gunaan orang Islam mengikut garis panduan dan prosedur JAKIM. Pada tahun 2009, Malaysia telah mengeluarkan Standard Halal MS1500:2009 (Semakan Kedua) iaitu garis panduan bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal di Malaysia. Pemakaian sijil dan logo halal adalah tidak mandatori tetapi apabila disalah guna dengan mempamerkan logo palsu, pengusaha boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

2.1.2. Pengeluaran SPH dan Logo Halal perlu mematuhi aspek syariah dan teknikal di mana aspek syariah menekankan kepada pengeluaran dan penyediaan produk yang tidak mengandungi bahan yang tidak halal dan meragukan. Manakala aspek teknikal meliputi tahap kebersihan premis, sanitasi dan keselamatan makanan/produk yang dikeluarkan. Yuran pemprosesan bagi setiap pensijilan halal yang dikenakan adalah antara RM200 hingga RM1,400 mengikut produk. Tempoh sah laku SPH dan Logo Halal ialah 2 tahun dan terbatal bila-bila masa sahaja apabila didapati bercanggah dengan prosedur pensijilan halal Malaysia.

2.1.3. Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan aktiviti pensijilan halal di Negeri Melaka. Objektif utama Unit Pengurusan Halal adalah bagi menentukan produk makanan dan bahan gunaan orang Islam menepati hukum syarak. Sehingga bulan Jun 2014, terdapat sejumlah 193 pemegang SPH dan Logo Halal yang masih sah di Negeri Melaka mengikut kategori seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan Pemegang Sijil Pengesahan Halal Yang Masih Sah

Bil.	Kategori Pengusaha	Bil. SPH
1	Produk Makanan Dan Bahan Gunaan	132
2	Premis Makanan/Restoran	38
3	Hotel /Rumah Rehat/Resort	18
4	Rumah Sembelihan	5
Jumlah		193

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.1.4. Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1/2011 (Pekeliling JAKIM) menetapkan semua permohonan SPH dan Logo Halal di Malaysia hendaklah melalui JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Sekiranya terdapat pihak lain yang mengeluarkan SPH dan Logo Halal, tindakan denda dan penjara di bawah APD 2011 boleh dikenakan. Contoh SPH dan Logo Halal yang diiktiraf oleh JAKIM dan JAIM seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

Gambar 2.1

Contoh Sijil Dan Logo Halal Yang Diiktiraf



Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Melaka

Gambar 2.2



2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada pengurusan pengeluaran SPH dan Logo Halal telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi proses pengeluaran SPH dan Logo Halal dan penguatkuasaannya bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan, temu bual dengan pegawai JAIM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kimia dan pengusaha produk. Lawatan ke premis makanan/restoran/hotel dan kilang memproses makanan terpilih serta rumah sembelihan juga dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Jun 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan pengeluaran SPH dan Logo Halal adalah kurang memuaskan walaupun ada peningkatan dari segi jumlah permohonan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Bilangan pemegang Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal adalah kecil berbanding pemegang lesen perniagaan berkaitan makanan.
- Kelewatan dalam pengeluaran Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal.
- Kelewatan pemeriksaan premis perniagaan pemohon.
- Pemantauan terhadap premis yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal tidak dilaksanakan dengan sewajarnya.
- Penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad.

2.4.1. Prestasi Permohonan Dan Pengeluaran SPH Dan Logo Halal

2.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, JAIM telah menerima sejumlah 858 permohonan untuk mendapatkan SPH dan Logo Halal. Daripada jumlah tersebut, 509 atau 59.3% permohonan telah diluluskan, 322 atau 37.5% ditolak/tidak diluluskan manakala 27 atau 3.2% permohonan masih dalam proses kelulusan. Permohonan ditolak/tidak diluluskan disebabkan terdapat dokumen yang dihantar tidak lengkap atau lewat serta tidak mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengesahan Tanda Halal dan Logo Halal (JAPETAH) Negeri Melaka. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2

Permohonan Dan Pengeluaran SPH Dan Logo Halal Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Permohonan Yang Diterima (Bil.)	Diluluskan		Ditolak/Tidak Diluluskan		Dalam Proses	
		(Bil.)	Peratus (%)	(Bil.)	Peratus (%)	(Bil.)	Peratus (%)
2011	199	125	62.8	74	37.2	0	0
2012	345	225	65.2	120	34.8	0	0
2013	314	159	50.6	128	40.8	27	3.2
Jumlah	858	509	59.3	322	37.5	27	3.2

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Melaka

2.4.1.2. Analisis Audit mendapati permohonan SPH dan Logo Halal meningkat pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya kepada 345 permohonan atau 73.4% dan seterusnya menurun kepada 314 permohonan atau 9% pada tahun 2013. Penurunan permohonan pada tahun 2013 adalah berikutan penurunan program promosi oleh JAIM daripada 16 program promosi pada tahun 2012 kepada 12 program promosi pada tahun 2013.

2.4.1.3. Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, penurunan jumlah permohonan adalah disebabkan pembaharuan pensijilan dilaksanakan selepas 2 tahun pensijilan, pemegang sijil tidak memohon pembaharuan sijil dalam tahun semasa sijil tamat tempoh dan berlaku penggabungan permohonan pembaharuan SPH. Jabatan akan berusaha merancang dan mempertingkatkan aktiviti promosi pensijilan halal di Negeri Melaka pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, prestasi permohonan dan pengeluaran SPH dan Logo Halal adalah memuaskan kerana berlaku peningkatan permohonan pada tahun 2012 sebanyak 73.4%. Bagaimanapun, permohonan pada tahun 2013 sedikit menurun sebanyak 9% berbanding tahun 2012.

2.4.2. Prestasi Pengeluaran SPH Dan Logo Halal Berbanding Lesen Perniagaan

2.4.2.1. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sejumlah 1,679 lesen perniagaan berkaitan hotel/rumah rehat/resort, pengeluar produk dan premis perniagaan makanan seperti restoran serta gerai makanan telah dikeluarkan oleh PBT di Melaka. Butiran lanjut bilangan lesen perniagaan berbanding sijil halal adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3

Pengeluaran Lesen Perniagaan Berbanding Sijil Halal Pada Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Jenis Premis/Kategori	Bil. Lesen Perniagaan/ Sijil Halal Dikeluarkan		Peratus (%)
		PBT	JAIM	
1	Premis Makanan	1,084	53	4.9
2	Hotel/Rumah Rehat/Resort	258	40	15.5
3	Pengeluar Produk	337	331	98.2
Jumlah		1,679	424	

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka Dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

2.4.2.2. Analisis Audit mendapati 53 atau 4.9% premis makanan mempunyai SPH dan Logo Halal berbanding 1,084 premis makanan yang mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT. Selain itu, terdapat sejumlah 40 atau 15.5% hotel/rumah rehat/resort yang mempunyai SPH dan Logo Halal berbanding 258 hotel/rumah rehat/resort yang mempunyai lesen perniagaan. Pihak Audit difahamkan tidak semua hotel/rumah rehat/resort yang mempunyai lesen perniagaan ada menyediakan makanan dan dengan itu keperluan untuk mendapatkan SPH dan Logo Halal adalah tidak berkaitan. Bagaimanapun, pengeluaran SPH dan Logo Halal bagi pengeluar produk adalah yang tertinggi di mana sejumlah 331 atau 98.2% pengeluar produk mempunyai SPH dan Logo Halal berbanding 337 pengeluar produk yang mempunyai lesen perniagaan.

2.4.2.3. Berdasarkan analisis di atas, Pihak Audit mendapati secara keseluruhannya bilangan pemegang SPH dan Logo Halal adalah terlalu kecil iaitu sebanyak 424 atau 25.3% berbanding 1,679 pemegang lesen premis perniagaan, hotel/rumah rehat/resort dan pengeluar produk di Negeri Melaka. JAIM perlu mempertingkatkan lagi usaha bagi

meningkatkan kesedaran kepada pemegang lesen perniagaan tentang kepentingan permohonan SPH dan Logo Halal.

2.4.2.4. Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, JAIM pernah melaksanakan beberapa siri program promosi khusus bagi usahawan premis makanan tetapi komitmen usahawan khususnya usahawan Melayu untuk memohon pensijilan halal kurang memberangsangkan kerana pensijilan halal bersifat suka rela dan tidak diwajibkan. Selain itu sebagai peniaga Muslim, mereka beranggapan tiada keperluan untuk memohon pensijilan halal dan terdapatkekangan di pihak usahawan untuk mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran SPH Dan Logo Halal berbanding lesen perniagaan adalah kurang memuaskan kerana bilangan pemegang SPH dan Logo Halal adalah terlalu kecil berbanding pemegang lesen perniagaan.

2.4.3. Kelewatan Pengeluaran Sijil Pengesahan Halal

2.4.3.1. Berdasarkan Piagam Pelanggan JAIM, permohonan SPH dan Logo Halal diproses dalam masa 3 bulan sehingga sijil dikeluarkan kepada pemohon. Semasa proses tersebut, pemeriksaan terhadap premis pemohon akan dijalankan dalam tempoh 14 hari selepas bayaran yuran permohonan diterima. Laporan pemeriksaan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengesahan Tanda Halal dan Logo Halal (JAPETAH) Negeri Melaka yang bertanggungjawab untuk memutuskan sama ada permohonan diluluskan atau ditolak. Keputusan permohonan SPH dan Logo Halal dikeluarkan dalam masa 3 hari bekerja selepas mesyuarat tersebut.

2.4.3.2. Semakan Audit terhadap sampel 157 (30.8%) daripada 509 permohonan yang telah diluluskan mendapati sejumlah 28 atau 17.8% permohonan telah diluluskan dalam tempoh 3 bulan manakala 129 atau 82.2% telah diluluskan melebihi tempoh yang ditetapkan. Tempoh masa yang diambil bagi proses pengeluaran SPH dan Logo Halal yang lewat diluluskan adalah antara 91 hingga 440 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4.**

**Jadual 2.4
Tempoh Pengeluaran Permohonan SPH**

Tahun	Jumlah Sampel Yang Disemak (Bil.)	Tempoh Masa Pengeluaran SPH Dan Logo Halal		Kelewatan (Hari)
		3 Bulan (Bil. Permohonan)	Lebih 3 Bulan (Bil. Permohonan)	
2011	37	2	35	97 - 440
2012	66	7	59	93 - 364
2013	54	19	35	97 - 286
Jumlah	157	28	129	

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Melaka

2.4.3.3. Semakan Audit mendapati kelewatan mengeluarkan SPH dan Logo Halal adalah antaranya disebabkan oleh kelewatan menerima keputusan analisis sampel bahan dari Jabatan Kimia dan kelewatan pemeriksaan premis perniagaan disebabkan kekurangan kakitangan dan kenderaan jabatan. Unit berkenaan hanya mempunyai 3 orang pegawai untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

2.4.3.4. Pemeriksaan premis akan dijalankan setelah permohonan SPH dan Logo Halal yang diterima memenuhi semua syarat yang ditetapkan dan bayaran caj perkhidmatan telah dijelaskan oleh pemohon. Menurut Piagam Pelanggan JAIM, pemeriksaan premis perlu dilakukan dalam masa 14 hari dari tarikh bayaran yuran permohonan SPH dan Logo Halal diterima. Lawatan premis adalah meliputi pemeriksaan terhadap aspek dokumentasi, pemprosesan dan pengendalian produk, peralatan, perkakasan, penyimpanan, kebersihan serta keselamatan makanan. Semakan Audit terhadap 157 sampel permohonan SPH dan Logo Halal yang telah diluluskan mendapati sejumlah 46 atau 29.3% pemeriksaan premis telah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh bayaran yuran permohonan. Manakala 111 permohonan atau 70.7% pemeriksaan premis lewat dilakukan antara 15 hingga 288 hari dari tarikh bayaran dibuat. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Tempoh Masa Diambil Bagi Pemeriksaan Fizikal Premis

Tahun	Jumlah SPH Diluluskan	Tempoh Masa Pemeriksaan Fizikal Setelah Bayaran Yuran Permohonan Diterima		Kelewatan (Hari)
		14 hari (Bil. Permohonan)	Melebihi 14 hari (Bil. Permohonan)	
2011	37	16	21	15 – 288
2012	66	14	52	15 – 98
2013	54	16	38	16 - 231
Jumlah	157	46	111	

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.4.3.5. Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, kelewatan ini berpunca daripada pihak JAIM dan juga pihak pemohon. Antara faktor kelewatan dari pihak JAIM adalah kekurangan tenaga kerja, kekangan kemudahan khususnya kenderaan Jabatan dan kekangan waktu apabila pegawai menghadiri kursus, mesyuarat dan sebagainya. Antara faktor kelewatan dari pihak pemohon adalah kegagalan mengemukakan dokumentasi lengkap, lewat menjelaskan yuran permohonan, terdapat laporan ketidakakuratan semasa audit dijalankan, lewat mengemukakan maklum balas tindakan penambahbaikan terhadap laporan ketidakakuratan, gagal melaksanakan tindakan penambahbaikan, memohon penangguhan proses, syarikat tidak beroperasi dan keputusan permohonan ditangguhkan dalam mesyuarat panel kerana tidak mematuhi piawaian pensijilan halal Malaysia. Dengan penambahan perjawatan lantikan seramai 5 orang bermula Jun 2014 di Unit Pengurusan Halal diharap dapat membantu mempercepatkan proses pengeluaran pensijilan halal dan mematuhi piagam pelanggan JAIM.

Pada pendapat Audit, tempoh yang diambil bagi pengeluaran SPH dan Logo Halal adalah kurang memuaskan.

2.4.4. Program Promosi Pengurusan SPH Dan Logo Halal

2.4.4.1. Program promosi hendaklah dirancang oleh JAIM bagi menentukan tahap keberkesanan pengurusan pengeluaran SPH dan Logo Halal serta untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha dan pengguna terhadap kepentingan penggunaan SPH dan Logo Halal. Semakan Audit mendapati JAIM tidak menetapkan bilangan program promosi tahunan. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, JAIM telah melaksanakan 45 program promosi seperti seminar, kursus, taklimat, pameran, bengkel dan kempen kesedaran halal kepada kakitangan awam, orang awam dan pengeluar produk makanan, premis makanan dan rumah sembelihan. Bagi tempoh yang sama, pameran merupakan program promosi yang kerap dilaksanakan iaitu sejumlah 24 pameran. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Bilangan Program Promosi Yang Telah Dilaksanakan

Tahun	Program				
	Seminar/ Kempen	Kursus/ Taklimat	Bengkel	Pameran	Jumlah
2011	1	3	4	9	17
2012	5	3	1	7	16
2013	2	2	0	8	12
Jumlah	8	8	5	24	45

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.4.4.2. Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, JAIM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi lain dalam usaha mempromosikan pensijilan halal kepada usahawan dan masyarakat. JAIM akan berusaha untuk mempertingkatkan jumlah perancangan program promosi pensijilan halal.

Pada pendapat Audit, program promosi bagi penggunaan SPH dan Logo Halal adalah baik.

2.4.5. Pemantauan Dan Penguatkuasaan

2.4.5.1. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2011 (Semakan Kedua) menyatakan semua pemegang SPH dan Logo Halal Malaysia JAKIM/MAIN/JAIN hendaklah dibuat pemantauan dan penguatkuasaan. Selain itu, Manual Prosedur Kerja JAIM menetapkan pelaksanaan pemantauan berkala terhadap pemegang SPH dan Logo Halal adalah sekurang-kurangnya setahun sekali mengikut kategori bagi menilai kepatuhan terhadap piawaian halal yang ditetapkan.

2.4.5.2. Semakan Audit mendapati JAIM ada merancang lawatan pemantauan berkala ke premis perniagaan dan sejumlah 1,046 lawatan pemantauan telah dirancang. Bagi

tempoh yang sama, sejumlah 616 atau 58.9% lawatan pemantauan ke premis perniagaan telah dijalankan. Manakala 430 atau 41.1% lawatan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh kekurangan kakitangan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Bilangan Pemantauan Berkala Yang Dijalankan

Tahun	Bilangan Pemantauan Berkala Ke Premis Perniagaan		
	Dirancang	Dilaksanakan	Tidak Dilaksanakan
2011	359	230	129
2012	328	156	172
2013	359	230	129
Jumlah	1,046	616	430

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.4.5.3. Kesan daripada kurangnya pemantauan berkala yang sepatutnya dijalankan terhadap pemegang SPH dan Logo Halal telah menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat pensijilan halal. Ini terbukti berlaku apabila pihak Audit membuat lawatan bersama pegawai JAIM pada bulan April dan Jun 2013 ke beberapa premis makanan, pengeluar produk, hotel dan rumah sembelihan yang memegang SPH dan Logo Halal. Lawatan Audit di 10 premis mendapat terdapat 7 premis tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan JAKIM seperti tahap kebersihan tidak diutamakan, percampuran produk halal dan tidak halal di tempat penyimpanan yang sama, penggunaan bahan ramuan dan peralatan yang meragukan, penggunaan logo halal tanpa kelulusan JAIM dan lain-lain. Di antara hasil lawatan tersebut adalah seperti berikut:

a. Pemegang Sijil Melanggar Syarat Pensijilan Halal

Para 11-13, Pekeliling JAKIM menjelaskan takrif halal diperuntukkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, antara lain menjelaskan sesuatu makanan, barang dan perkhidmatan yang diperihal halal boleh dimakan atau diguna oleh orang Islam serta mengikut hukum syarak yang ditetapkan. Sekiranya tidak dipatuhi atau bertentangan dengan Perintah tersebut, ia menjadi satu kesalahan. Pihak Audit bersama pegawai JAIM telah membuat lawatan ke beberapa sampel dapur hotel yang dipilih dan beberapa kilang pengeluar produk. Hasil lawatan mendapat berlaku pelanggaran syarat pensijilan halal seperti di **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.14**.

Gambar 2.3
Penggunaan Botol Minuman Keras Pada Minuman Berkarbonat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Pemprosesan Produk Air
Tarikh: 28 April 2014

Gambar 2.4
Air Kotoran Bertakung Dan Tersumbat Di Longkang Di Kawasan Dapur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 2.5
Kotoran Di Dalam Singki Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel
Tarikh: 24 Jun 2014

Gambar 2.6
Bihun Yang Telah Diproses Diletak Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Bee Hoon
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 2.7
Sarung Tangan Tidak Digunakan Semasa Proses Pembungkusan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Bee Hoon
Tarikh: 23 Jun 2014

Gambar 2.8
Sampah Dilonggokkan Bersebelahan Tempat Pemprosesan Produk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Pemprosesan Produk Air
Tarikh: 28 April 2014

Gambar 2.9
Bahan Mentah Tidak Ditutup Dan Dihinggapi Lalat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Makanan
Tarikh: 29 April 2014

Gambar 2.10
Penggunaan Bahan Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Yang Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel
Tarikh: 29 April 2014



Gambar 2.11
Penggunaan Bahan Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Yang Tidak Diiktiraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hotel
Tarikh: 29 April 2014

Gambar 2.12
Penggunaan Bahan Makanan Yang Mempunyai Logo Halal Yang Tidak Diiktiraf



Gambar 2.13
Bahan Ramuan Tidak Mempunyai Logo Halal JAKIM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hotel

Tarikh: 24 Jun 2014



b. Penggunaan Logo Halal Tanpa Kelulusan

Pekeliling JAKIM menetapkan hanya JAKIM atau JAIN yang boleh mengeluarkan SPH dan Logo Halal di Malaysia. Lawatan Audit bersama Pegawai JAIM mendapat terdapat pengusaha yang masih menggunakan logo halal walaupun sijil telah tamat tempoh. Selain itu, terdapat juga pengusaha yang menggunakan Logo Halal JAKIM tanpa kelulusan. Contoh penggunaan Logo Halal tanpa kelulusan serta tamat tempoh adalah seperti di **Gambar 2.15** hingga **Gambar 2.18**.

Gambar 2.15
Penggunaan Logo Halal Tanpa Kelulusan JAIM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kilang Kopi

Tarikh: 5 Jun 2014

Gambar 2.16
Penggunaan Logo Halal Tanpa Kelulusan JAIM



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Hub Halal

Tarikh: 4 Jun 2014



**Gambar 2.17
Penggunaan Logo Halal
Telah Tamat Tempoh**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Roti Dan Kek
Tarikh: 23 Jun 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang Mee
Tarikh: 23 Jun 2014

- c. Kesan daripada penemuan ini, JAIM telah mengambil tindakan dengan menggantung 3 sijil, menarik balik satu sijil dan selebihnya JAIM hanya mengeluarkan notis peringatan kepada pengusaha supaya mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kesalahan yang telah dikenal pasti. Pihak KPDKKK juga ada mengambil tindakan dengan membuat penyitaan terhadap produk dan pembungkusan produk di premis yang menggunakan logo halal walaupun telah tamat tempoh.

d. Lawatan Di Rumah Sembelihan

MPPHM 2011 (Semakan Kedua) menetapkan syarat khusus yang perlu dipatuhi oleh pengusaha rumah sembelih antaranya berkenaan haiwan yang disembelih, proses penyembelihan, pengendalian peralatan dan tenaga kerja. Lawatan Audit bersama pegawai JAIM ke 2 rumah sembelihan Ali Ahmad Bin Waris Ali di Alor Gajah dan HLRB Processing Sdn. Bhd. di Jasin mendapati kedua-dua rumah sembelihan tersebut mempunyai SPH dan Logo Halal yang sah dan mematuhi kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan. Hasil lawatan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.20**.

Gambar 2.19

Kawasan Penyembelihan Yang Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Rumah Sembelihan, Alor Gajah

Tarikh: 28 April 2014

Gambar 2.20

Kawasan Penyembelihan Yang Bersih



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Rumah Sembelihan, Jasin

Tarikh: 4 Jun 2014

- e. **Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, punca utama bagi kelemahan pelaksanaan aktiviti pemantauan adalah kekurangan pegawai pelaksana dan kemudahan khususnya kenderaan. Dengan keanggotaan sedia ada, JAIM terpaksa memberi keutamaan kepada proses permohonan pensijilan halal berbanding dengan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Bagaimanapun, bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan, JAIM akan berusaha menetapkan sejumlah pegawai yang akan melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan pada masa akan datang selaras dengan cadangan perjawatan yang dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). JAIM akan sentiasa berusaha untuk memastikan aktiviti ini mencapai sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, pemantauan berkala terhadap premis perniagaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat pemantauan yang tidak dijalankan seperti yang dirancang.

2.4.6. Kad Kuasa Diterima Tidak Digunakan

2.4.6.1. Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Pekelinging Pensijilan Halal Malaysia Bil.1/2011 dan MPPHM (Semakan Kedua) memberi kuasa kepada pegawai JAIM untuk menjalankan tugas penguatkuasaan. Seksyen 3 (6) APD 2011, menyatakan pegawai yang dilantik diberikan kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan perlu mengisyiharkan jawatannya dengan mengemukakan kad kuasa sebagaimana yang diarahkan mengikut Akta tersebut.

2.4.6.2. Semakan Audit mendapati penguatkuasaan yang dijalankan oleh JAIM adalah terhad dan JAIM terpaksa bergantung kepada pihak KPDNKK sekiranya ingin membuat pemeriksaan penguatkuasaan terhadap premis yang tidak mempunyai SPH. Semakan juga mendapati pegawai JAIM telah diberikan kad kuasa sebagai Penolong Perihal Dagangan yang telah diwartakan kepada pegawai-pegawai JAIM yang telah dilantik untuk

menjalankan penguatkuasaan oleh JAKIM. Kad kuasa tersebut telah dikeluarkan oleh KPDNKK dan pemegang kad kuasa ini adalah diberi kuasa di bawah APD 2011 sebagai Penolong Pegawai Perihal Dagangan khusus bagi penguatkuasaan perkara-perkara berkaitan perihal dagangan halal. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan pada bulan April 2014, mendapati walaupun kad kuasa tersebut telah diterima daripada JAKIM pada bulan Januari 2014 ianya hanya disimpan oleh JAIM dan masih belum digunakan. Pegawai daripada Bahagian Hab Halal JAKIM memaklumkan bahawa perkara ini terjadi kerana pegawai JAIM masih belum bersedia untuk melaksanakan pemeriksaan dan penyiasatan meskipun 2 kursus yang melibatkan 2 modul lengkap berkaitan APD 2011 telah diberikan kepada beberapa orang pegawai. Kesannya sehingga pengauditan dijalankan, JAIM tidak dapat menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan secara persendirian dan terpaksa bergantung kepada KPDNKK.

2.4.6.3. Menurut maklum balas JAIM bertarikh 11 September 2014, hanya 5 orang pegawai sahaja yang diwartakan menerima penurunan kuasa sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan. Meskipun pegawai berkenaan telah menghadiri sesi latihan yang dianjurkan oleh JAKIM, kesemua pegawai yang dilantik bukanlah pegawai yang ditugaskan secara khusus dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan. Dengan beban tugas sedia dan keperluan mematuhi prosedur penguatkuasaan, JAIM belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan tanpa bantuan KPDNKK.

Pada pendapat Audit, dengan perwakilan kuasa yang diberi oleh KPDNKK telah membolehkan pegawai JAIM melaksanakan penguatkuasaan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 tanpa perlu bergantung kepada penglibatan pegawai KPDNKK setiap masa.

2.4.7. Tindakan Terhadap Aduan Awam

2.4.7.1. Merujuk MPPHM 2011 (Semakan Kedua), Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan, JAIM telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan sama ada berdasarkan aduan yang diterima atau secara bersepada dengan agensi lain seperti KPDNKK, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kimia. Antara aduan yang diterima adalah mengenai penyalahgunaan SPH dan Logo Halal, keraguan terhadap produk/bahan ramuan yang digunakan atau cara penyembelihan yang meragukan. Merujuk Para 5, Piagam Pelanggan, JAIM menyatakan tindakan pertama ke atas aduan berkaitan halal hendaklah dilakukan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

2.4.7.2. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan Halal JAIM dari tahun 2011 hingga 2013, mendapati sejumlah 53 aduan telah diterima oleh JAIM melalui borang aduan, surat, email/aduan on-line dan juga melalui talian telefon. Daripada jumlah tersebut sebanyak 30 aduan atau 56.6% tindakan diambil kurang dari 3 hari seperti yang ditetapkan Piagam Pelanggan. Manakala 23 aduan atau 43.4% tindakan lewat diambil

antara 4 hingga 20 hari. Kelewatan mengambil tindakan terhadap aduan adalah disebabkan kekurangan kakitangan. Pihak Audit dimaklumkan kakitangan di Unit ini seramai 8 orang juga bertanggungjawab dalam melaksanakan pelbagai aktiviti seperti pengeluaran SPH dan Logo Halal, pemantauan berkala dan penguatkuasaan dan mengadakan taklimat berhubung isu pensijilan halal yang meliputi 3 daerah. Butiran mengenai tempoh tindakan yang diambil terhadap aduan awam adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

Tindakan Terhadap Aduan Awam Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bil. Aduan	Tempoh Tindakan Yang Diambil Terhadap Aduan Awam Yang Diterima		Kelewatan (Hari)
		3 hari (Bil.)	Melebihi 3 hari (Bil.)	
2011	18	10	8	4 – 11
2012	17	9	8	4 – 12
2013	18	11	7	4 - 20
Jumlah	53	30	23	

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.4.7.3. Selain itu, hasil lawatan pegawai JAIM yang dilakukan terhadap aduan tersebut mendapati sejumlah 23 daripada 53 aduan bercanggah dengan aduan yang diterima dan semakan mendapati tiada sebarang ketidakpatuhan ditemui ketika pemeriksaan dijalankan manakala 30 daripada 53 aduan tersebut adalah tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Antara kesalahan yang dikenal pasti adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9

Kesalahan Penggunaan Logo Halal

Bil.	Kesalahan	Bil. Kes
1	Logo Halal Yang Tidak Diiktiraf	6
2	Logo Halal Tanpa Kebenaran JAKIM	9
3	Sijil Tamat Tempoh	3
4	Menggunakan Bahan Ramuan Yang Tiada Logo Halal JAKIM Dan Sebagainya	12
Jumlah		30

Sumber: Jabatan Agama Islam Melaka

2.4.7.4. Kesannya JAIM telah mengambil tindakan dengan menggantung satu sijil dan menarik balik satu sijil bagi 2 buah restoran melibatkan hotel di Melaka. Selebihnya JAIM hanya mengeluarkan notis peringatan kepada pengusaha atas kesalahan menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf dan menggunakan ramuan yang tidak mempunyai logo halal JAKIM. Pihak KPDKKK akan mengambil tindakan undang-undang terhadap beberapa premis berkenaan di bawah APD 2011.

Pada pendapat Audit, tempoh tindakan bagi aduan awam adalah kurang memuaskan kerana tidak menepati Piagam Pelanggan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Sijil Halal dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan seterusnya dapat menarik kesedaran terhadap kepentingan SPH dan Logo Halal, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan Agama Islam Negeri Melaka (JAIM) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.5.1. Meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan setelah penambahan kakitangan diluluskan dan perwakilan kuasa yang telah diberikan oleh KPDNKK. JAIM juga perlu mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha/pemilik premis yang melanggar syarat-syarat serius pensijilan halal.

2.5.2. Memperhebat promosi dan hebahan melalui media cetak serta elektronik bagi meningkatkan kesedaran pengusaha dan pengguna tentang kepentingan SPH.

TABUNG AMANAH MELAKA

3. MELAKA ICT HOLDINGS SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH) telah ditubuhkan pada bulan Julai 2003. Ia mengambil alih Syarikat Kumpulan Melaka Recreations & Resort Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada bulan Julai 1995. Modal dibenarkan berjumlah RM1 juta manakala modal berbayarnya ialah RM0.60 juta. MICTH dimiliki 100% oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah Tabung Amanah Melaka. Jenis perniagaan yang dijalankan oleh MICTH ialah pembangunan infrastruktur, perkongsian perkhidmatan, teknologi komuniti pintar, memperdagangkan produk dan servis inkubator K-ekonomi Melaka, penyelidikan dan pembinaan *information communication technology* (ICT), pembinaan aplikasi dan perkhidmatan *information technology* (IT). MICTH telah dianugerahkan status Multimedia Super Corridor (MSC) pada pertengahan bulan Julai 2004.

3.1.2. Sehingga bulan April 2014, MICTH dianggotai oleh 9 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka. Pengurusan MICTH diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, dibantu oleh 3 orang pengurus serta 31 kakitangan. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Tabung Amanah Melaka, MICTH perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Melaka berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta arahan dan peraturan yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

3.1.3. Pengauditan terhadap pengurusan MICTH pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2008. Antara isu yang pernah dibangkitkan adalah tadbir urus korporat yang lemah, pengurusan kewangan yang tidak diurus dengan baik hingga menyebabkan kerugian dan kurangnya pemantauan daripada pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan MICTH memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta pemeriksaan terhadap aset. Selain itu perbincangan dan temu bual dengan pegawai MICTH juga turut dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2014 mendapati kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2008 telah diambil tindakan yang sewajarnya. Prestasi kewangan MICTH adalah baik dengan mencatatkan keuntungan 3 tahun berturut-turut dan keuntungan terkumpul pada Disember 2013 adalah berjumlah RM0.68 juta. MICTH juga telah mematuhi amalan terbaik berkaitan tadbir urus korporat. Pengurusan aktiviti MICTH adalah memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar beroperasi tanpa permit dan penyenggaraan tidak dibuat.
- Kualiti komputer 1Malaysia yang dibekalkan kurang memuaskan.
- LED TV hilang dan hasil keuntungan operasi LED TV tidak diperoleh.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Bagi tahun 2011 hingga 2013, prestasi kewangan MICTH adalah baik di mana syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut. Keuntungan yang diperoleh telah meningkat 10.8% iaitu daripada RM0.79 juta pada tahun 2011 kepada RM0.88 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, jumlah keuntungan meningkat 42.3% kepada RM1.25 juta. Peningkatan keuntungan sebelum cukai adalah disebabkan oleh pengurangan kos jualan sebanyak 8.3% pada tahun 2012 dan 27.3% pada tahun 2013.
- b. Pendapatan utama MICTH adalah daripada pengurusan dan sewaan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar, pembangunan infrastruktur dan pembangunan perisian (*software development*). Bagi tahun 2011, jumlah yang diperoleh daripada pendapatan utama adalah RM14.44 juta. Bagaimanapun ianya

menurun 6.9% kepada RM13.45 juta pada tahun 2012 dan 18.0% kepada RM11.03 juta pada tahun 2013. Penurunan adalah disebabkan oleh penurunan ketara pendapatan pembangunan infrastruktur iaitu daripada RM10.19 juta pada tahun 2011 kepada RM8.95 juta pada tahun 2012 dan RM4.35 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2011 MICTH telah mendapat projek bernilai RM9.68 juta untuk membekal dan mengagihkan Komputer 1Malaysia. Manakala pada tahun 2012 MICTH mendapat projek bernilai RM5.85 juta bagi membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara perkhidmatan infrastruktur ICT untuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Tiada projek infrastruktur bernilai besar diperoleh pada tahun 2013. Bagaimanapun pendapatan daripada pengurusan dan sewaan menara telekomunikasi/ struktur sistem pemancar telah meningkat 60.2% dalam tempoh 3 tahun iaitu daripada RM3.99 juta pada tahun 2011 kepada RM4.14 juta pada tahun 2012 dan RM6.39 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar iaitu daripada 123 buah pada tahun 2011 kepada 132 buah pada tahun 2013. Selain pertambahan bilangan, peningkatan yang ketara pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh terimaan sewa yang tertunggak sejak tahun 2007.


- c. Perbelanjaan MICTH terdiri daripada kos jualan, perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan iaitu faedah pinjaman berjangka dan faedah sewa beli. Jumlah perbelanjaan MICTH telah menurun sebanyak 8.3% pada tahun 2012 iaitu daripada RM13.74 juta pada tahun 2011 kepada RM12.60 juta dan menurun sebanyak 21.4% kepada RM9.90 juta pada tahun 2013. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan kos jualan terutamanya daripada pembangunan infrastruktur.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan MICTH bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/Rugi MICTH
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013


Butiran	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan Utama	14.44	13.45	11.03
Lain-Lain Pendapatan	0.09	0.03	0.12
Jumlah Pendapatan	14.53	13.48	11.15
Kos Jualan	11.68	10.70	7.78
Perbelanjaan Pentadbiran	2.03	1.86	1.97
Kos Kewangan	0.03	0.04	0.15
Jumlah Perbelanjaan	13.74	12.60	9.90
Keuntungan Sebelum Cukai	0.79	0.88	1.25
Cukai	0.17	0.20	0.21
Keuntungan Selepas Cukai	0.62	0.68	1.04
Dividen	-	0.30	-
Keuntungan Terkumpul	-0.74	-0.36	0.68

Sumber: Penyata Kewangan MICTH

- e. Trend pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan MICTH bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.



Sumber: Penyata Kewangan MICTH



Sumber: Penyata Kewangan MICTH

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan MICTH, beberapa nisbah kewangan telah dianalisis berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan MICTH bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan MICTH
Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	1.97:1	1.29:1	1.32:1
Margin Untung Bersih	5.5%	6.5%	11.3%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.16:1	0.11:1	0.16:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-4.51:1	2.82:1	0.81:1

Sumber: Penyata Kewangan MICTH

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan sesebuah syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutangnya dalam jangka masa pendek. Semakin tinggi nisbah bermakna semakin baik tahap kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati, nisbah semasa MICTH bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah pada tahap sederhana di mana kadar nisbah adalah kurang daripada 2:1. Ini menunjukkan aset semasa MICTH masih berupaya menampung keseluruhan liabiliti semasanya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. MICTH telah memperoleh keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2011 hingga 2013. Pada tahun 2011, bagi setiap RM1.00 hasil jualan margin keuntungan yang diperoleh adalah 5.5 sen (5.5%), manakala pada tahun 2012 margin keuntungan meningkat kepada 6.5 sen (6.5%) dan seterusnya pada tahun 2013, margin keuntungan meningkat lagi kepada 11.3 sen (11.3%). Peningkatan margin keuntungan secara berterusan adalah disebabkan oleh penurunan kos jualan dan belanja pentadbiran sebanyak RM1.15 juta pada tahun 2012 dan RM2.81 juta pada tahun 2013.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur kecekapan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan keuntungan. Semakin tinggi nisbah bermakna syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Analisis Audit mendapati, MICTH mendapat pulangan ke atas aset masing-masing bernilai 16 sen pada tahun 2011 dan 2013 serta 11 sen pada tahun 2012. Penurunan pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh pertambahan nilai aset yang ketara iaitu RM6.25 juta berbanding RM3.91 juta pada tahun 2011. Manakala peningkatan kadar nisbah pada tahun 2013 disebabkan oleh peningkatan untung bersih kerana pengurangan kos jualan. Keadaan ini menunjukkan walaupun pulangan ke atas aset adalah rendah, MICTH masih dapat menggunakan aset yang ada untuk menjana pendapatannya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi nisbah bermakna semakin cekap Syarikat menguruskan modalnya dan lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati pada tahun 2011, MICTH menanggung kerugian RM4.51 bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan. Bagaimanapun pada tahun 2012 dan 2013, MICTH mencatatkan pulangan positif iaitu masing-masing sebanyak RM2.82 dan 81 sen keuntungan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan. Ini menunjukkan MICTH masih mampu memberikan pulangan kepada pemegang sahamnya.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MICTH bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah baik kerana mencatatkan keuntungan semasa 3 tahun berturut-turut. Selain itu keuntungan tersebut telah dapat menampung kerugian terkumpul dan seterusnya pada tahun 2013 MICTH telah berjaya mencatatkan keuntungan terkumpul.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama yang dijalankan oleh MICTH adalah pembangunan infrastruktur, perkongsian perkhidmatan, teknologi komuniti pintar, memperdagangkan produk dan servis inkubator K-ekonomi Melaka, penyelidikan dan pembinaan teknologi maklumat dan komunikasi, pembinaan aplikasi dan perkhidmatan teknologi maklumat.

3.4.2.1. Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar

Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bilangan 2 tahun 2005, telah melantik MICTH bagi mengendalikan semua permohonan berkaitan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar yang ingin dibina di Negeri Melaka supaya mematuhi Garis Panduan Mengenai Proses Permohonan Mendirikan Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar Bagi Negeri Melaka. Sehingga 31 Disember 2013, terdapat 392 menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar di seluruh Negeri Melaka meliputi pelbagai jenis seperti *three/four legged tower*, *minaret*, *lampole*, *roof top* dan *monopole*. Daripada jumlah tersebut, 132 atau 33.7% menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar adalah di bawah kawalan MICTH manakala 260 lagi diselia oleh syarikat telekomunikasi sendiri. MICTH telah melantik 4 kontraktor untuk membina dan menyenggara menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar. Butirannya adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Bilangan Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar
Pada 31 Disember 2013

Bil.	Kontraktor	Jenis Struktur	Bil. Struktur
1	Dinamic Comunication Links Sdn. Bhd. (DCL)	<i>Three/four legged tower</i>	50
2	Satria Mara Sdn. Bhd. (SMSB)	<i>Lampole</i>	27
3	Tower Fleet Sdn. Bhd. (TFSB)	<i>Minaret</i>	43
4	Syarikat Pembinaan Caj Maju Sdn. Bhd. (CMSB)	<i>Roof top</i>	10
5	MICTH	<i>Portable base tower structure</i>	2
Jumlah			132

Sumber: MICTH

a. Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar Beroperasi Tanpa Permit

- i. Garis Panduan Mengenai Proses Permohonan Pemutihan dan Permohonan Mendirikan Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar Bagi Negeri Melaka menyatakan bahawa permit pemasangan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah selama setahun dan perlu diperbaharui setiap tahun setelah tamat tempoh permit yang ada.
- ii. Semakan Audit mendapati 33 atau 25% daripada 132 menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar di bawah kawalan MICTH telah beroperasi tanpa permit PBT sejak ianya dibina antara tahun 2007 hingga 2013. Butiran lanjut bilangan menara telekomunikasi/ struktur sistem pemancar yang terlibat mengikut jenis adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

Bilangan Menara Telekomunikasi Tanpa Permit Pada 31 Disember 2013

Tahun	Jenis Struktur (Bil.)			Jumlah
	Minaret	Lampole	Rooftop	
2007	-	2	-	2
2008	-	4	-	4
2009	-	2	-	2
2010	-	3	2	5
2011	3	1	9	13
2012	2	2	1	5
2013	-	2	-	2
Jumlah	5	16	12	33

Sumber: MICTH

- iii. Menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar yang tidak mempunyai permit daripada PBT ini boleh dikategorikan sebagai beroperasi secara tidak sah dan PBT boleh mengambil tindakan undang-undang serta merobohkan struktur berkenaan yang akan menyebabkan MICTH kehilangan sumber pendapatan sewa bulanan. Semakan Audit selanjutnya mendapati MICTH telah mengeluarkan surat peringatan kepada 3 kontraktor yang bertanggungjawab iaitu Satria Mara Sdn. Bhd. (SMSB), Tower Fleet Sdn. Bhd. (TFSB) dan Syarikat Pembinaan Caj Maju Sdn. Bhd. (CMSB) pada bulan Julai 2013 supaya mendapatkan permit bagi semua struktur yang terlibat untuk mengelakkan tindakan daripada PBT. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2014, masih tiada tindakan diambil.
- iv. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014 menyatakan bahawa MICTH telah mengambil tindakan dengan membuat permohonan permit kepada PBT berkaitan pada 17 April 2014. Notis Makluman berkaitan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar yang tidak mempunyai permit**

daripada PBT telah dikeluarkan oleh MICTH kepada semua kontraktor yang terlibat supaya tindakan segera diambil.

b. Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar Tidak Disenggara

- i. Berdasarkan *Construction Agreement* antara MICTH dengan kontraktor yang dilantik, kontraktor perlu membuat penyenggaraan terhadap menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar selain menyerahkan kunci pendua kepada MICTH untuk membolehkan MICTH masuk ke kawasan menara pada bila-bila masa. Perenggan 7.6.3 dan Perenggan 7.6.5 dalam Garis Panduan Mengenai Proses Permohonan Pemutihan dan Permohonan Mendirikan Menara Telekomunikasi/Struktur Sistem Pemancar Bagi Negeri Melaka pula menyatakan kawasan menara hendaklah berpagar, pintu laluan masuk yang terkawal, kawasan persekitaran menara mestilah bersih, kemas dan teratur.
- ii. Semakan Audit mendapati hanya 50 menara telekomunikasi di bawah Dynamic Communication Link Sdn. Bhd yang mempunyai rekod penyenggaraan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada 82 lagi menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar di bawah 3 lagi kontraktor yang dilantik telah disenggara kerana tiada sebarang rekod penyenggaraan dikemukakan.
- iii. Lawatan Audit ke lokasi 27 menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar pada bulan April 2014 mendapati 10 atau 37% daripadanya dalam keadaan yang tidak memuaskan kerana kawasan persekitaran yang dipenuhi dengan semak samun dan tidak terjaga. Selain itu, keadaan sebahagian pagar bagi 8 lokasi menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar didapati telah rosak dan menunjukkan kesan dipotong serta dicerobohi. Pihak Audit mendapati MICTH tidak membuat pemantauan fizikal terhadap menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar yang dimiliki. MICTH juga tidak mempunyai kunci pendua bagi membolehkan pegawai bertanggungjawab memasuki kawasan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar pada bila-bila masa. Butiran lanjut dan keadaan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar yang dilawati adalah seperti di **Jadual 3.5** dan **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.8**.

Jadual 3.5

Bilangan Menara Telekomunikasi Yang Tiada Penyenggaraan

Bil.	Jenis Struktur	Kontraktor	Bilangan Lokasi Dilawati	Penemuan Audit	
				Persekutaran Tidak Memuaskan	Pagar Rosak
1	<i>Three/four legged tower</i>	DCL	6	3	3
2	<i>Minaret</i>	TF	5	1	1
3	<i>Roof Top</i>	CMSB	7	1	-
4	<i>Lampole</i>	SMSB	9	5	4
Jumlah			27	10	8

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 3.1



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 552 Taman Seri Songket,
Durian Tunggal

Tarikh: 21 April 2014

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 389, Jalan Genuang Ayer Molek
Tarikh: 24 April 2014

Gambar 3.3

Persekutaran Struktur *Roof Top* Yang Tidak Disenggara Dan Dipenuhi Najis Burung



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 570, 256C Jalan Semabok,
Taman Sin Semabok

Tarikh: 23 April 2014

Gambar 3.4

Persekutaran Menara Telekomunikasi Jenis *3 Legged* Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lot 2883, Bukit Bulat Machap Umboo,
Alor Gajah

Tarikh: 21 April 2014

Gambar 3.5

Pagar Yang Rosak Dan Boleh Dibolosi Serta Persekutuan *Lampole* Yang Dipenuhi Semak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Stadium Hang Jebat
Tarikh: 24 April 2014

Gambar 3.6

Pagar Yang Telah Dirosakkan Akibat Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 552 Taman Seri Songket,
Durian Tunggal
Tarikh: 21 April 2014

Gambar 3.7

Pagar Yang Telah Dirosakkan Akibat Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 1541 Pengkalan Kelemak, Alor Gajah
Tarikh: 21 April 2014

Gambar 3.8

Pagar Yang Telah Dirosakkan Akibat Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 2883, Bukit Bulat Machap Umboo,
Alor Gajah
Tarikh: 21 April 2014

iv. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014 menyatakan MICTH akan membuat penyenggaraan secara berkala bagi pihak kontraktor dan kosnya akan ditanggung oleh kontraktor. Surat makluman berkaitan telah dikeluarkan oleh MICTH kepada kontraktor pada 14 Mei 2014.**

Pada pendapat Audit pemantauan menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar adalah kurang memuaskan kerana ada yang tidak mempunyai permit dan tidak disenggara dengan baik.

3.4.2.2. Projek Komputer 1Malaysia Fasa 2

MICTH telah dilantik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai Pemberi Perkhidmatan Sejagat untuk membekal dan mengagihkan 10,200 unit peralatan dan perisian Komputer 1Malaysia Fasa 2 di 17 kawasan *Universal Service*

Target (UST) di Negeri Melaka dan 1 kawasan UST di Negeri Johor yang melibatkan 78 buah sekolah. Bagi tujuan tersebut, MICTH telah menandatangani Perjanjian Pembekalan dengan Megahertz Sdn. Bhd. (Megahertz) pada 14 Mac 2011 bagi membekal Komputer 1Malaysia ini. Maklumat lanjut pengagihan Komputer 1Malaysia Fasa 2 oleh MICTH adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Bilangan Komputer Dan Sekolah Yang Terlibat Dengan Pengagihan Komputer 1Malaysia Fasa 2 Oleh MICTH

Negeri	Bil. Komputer (Unit)	Bil. Sekolah (Buah)
Johor	1,123	2
Melaka	9,077	76
Jumlah	10,200	78

Sumber: MICTH

a. Pengagihan Komputer 1Malaysia

- i. Mengikut Perjanjian Pembekalan Projek Pemberi Perkhidmatan Sejagat Komputer 1Malaysia Fasa 2 antara MICTH dan Megahertz, pengagihan Komputer 1Malaysia akan dilakukan antara 28 Februari 2011 hingga 8 April 2011. Bagaimanapun pengesahan daripada SKMM menunjukkan pengagihan telah dibuat antara 13 Mei 2011 hingga 15 Julai 2011 iaitu lewat 2 bulan daripada yang dijadualkan. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014, menyatakan kelewatan pengagihan Komputer 1Malaysia berlaku di sesetengah kawasan kerana terpaksa merujuk kepada jadual aktiviti sekolah dan jadual ADUN yang akan menyerahkan komputer tersebut kepada penerima.**
- ii. Lawatan Audit pada bulan Jun 2014 ke 12 buah sekolah yang menerima 1,193 unit komputer 1Malaysia dan semakan terhadap rekod penerimaan mendapati komputer telah diagihkan kepada semua pelajar yang layak. SKMM melalui suratnya bertarikh 11 Jun 2014 juga telah mengesahkan bahawa MICTH telah membekal dan mengagih kesemua 10,200 unit komputer 1Malaysia dan pengagihan tersebut telah dipantau sepenuhnya oleh SKMM. Bagaimanapun, MICTH tidak menyimpan rekod yang lengkap berkaitan pelajar yang menerima komputer 1Malaysia ini.

b. Kualiti Komputer Tidak Memuaskan

- i. Komputer 1Malaysia yang diagihkan kepada pelajar sepatutnya dalam keadaan baik kerana telah melepas ujian awal oleh SKMM, *User Acceptance Test* dan *Final Acceptance Test* oleh MICTH. Semakan Audit terhadap laporan kerosakan yang dikeluarkan oleh MICTH mendapati 1,832 atau 17.96% daripada 10,200 unit komputer yang diagihkan kepada pelajar telah rosak dan dikembalikan

semula kepada Megahertz untuk dibaiki atau diganti seawal bulan Mei 2011 seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7

Bilangan Komputer 1Malaysia Yang Dipulangkan Semula Kerana Rosak

Bil.	Tarikh Dipulangkan (Bulan)	Bil. Komputer (Unit)
2011		
1	Mei	34
2	Jun	398
3	Julai	502
4	Ogos	277
5	September	179
6	Okttober	190
7	November	206
8	Disember	2
2012		
9	Januari	1
10	Tiada maklumat	43
Jumlah		1,832

Sumber: MICTH

- ii. Antara kerosakan yang dilaporkan ialah *motherboard*, *monitor*, *hard disk*, *adapter*, *keyboard* dan bateri. Melalui surat bertarikh 12 Februari 2012, Megahertz memaklumkan antara sebab berlaku kerosakan adalah:
 - Kapasiti *hard disk* 160GB tidak dapat menampung kapasiti fail yang dimuat naik oleh pengguna;
 - Pengguna tidak mengemas kini *hard disk* secara rutin;
 - Kurang penjagaan teliti oleh pengguna menyebabkan *motherboard*, *monitor* dan bateri rosak.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga tarikh pengauditan pada 6 Mei 2014, sebanyak 236 atau 12.9% unit komputer yang rosak masih lagi belum dipulangkan kepada MICTH atau penerima. Berdasarkan surat MICTH kepada SKMM bertarikh 20 Januari 2014, MICTH memaklumkan kelewatan adalah kerana Megahertz masih menunggu penghantaran daripada pembekal mereka di Negara China dan berhadapan masalah dengan pihak kastam di negara tersebut. Oleh kerana kelewatan ini, MICTH telah memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan terhadap Megahertz pada 29 April 2014 bagi menuntut ganti rugi 236 unit komputer yang masih tidak dipulangkan berserta faedah pada kadar 1% sebagaimana dalam Perjanjian Pembekalan.

iv. Tuntutan Bon Pelaksanaan Tidak Dibuat

- Mengikut Perjanjian Pembekalan Projek Pemberi Perkhidmatan Sejagat Komputer 1Malaysia Fasa 2, MICTH berhak membuat tuntutan terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada Bon Pelaksanaan jika Megahertz memungkiri apa-apa terma atau syarat perjanjian tanpa menjelaskan hak MICTH untuk mengambil tindakan undang-undang yang lain.
 - Semakan Audit mendapati MICTH tidak membuat tuntutan terhadap Bon Pelaksanaan walaupun terdapat komputer yang dibekalkan rosak. Bon Pelaksanaan berjumlah RM0.45 juta telah dikembalikan kepada Megahertz pada 27 Julai 2011 sedangkan komputer yang rosak masih belum dibaiki dan dipulangkan sepenuhnya.
- v. Kesan daripada kualiti komputer yang tidak memuaskan ini, pengguna tidak mendapat manfaat yang sepatutnya dan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pelajar yang celik IT dan akses jalur lebar telah terganggu. Keadaan ini juga telah memberikan kesan negatif terhadap nama baik dan reputasi MICTH sebagaimana yang dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bilangan 5 tahun 2012 di mana MICTH telah disenaraihitamkan oleh SKMM berikutan banyak aduan kerosakan terhadap komputer yang dibekalkan.
- vi. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014, menyatakan komputer yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh SKMM. Komputer mudah rosak kerana pengguna telah memuat naik fail yang berkapasiti tinggi dan kurang penjagaan. Bagi 236 unit komputer yang masih belum dipulangkan, MICTH telah bertindak mengeluarkan saman kepada Megahertz. Manakala bon pelaksanaan dibayar selepas 10,200 unit komputer selesai dibekalkan dan selepas tempoh matang bon.**

Pada pendapat Audit, kualiti komputer yang dibekalkan adalah kurang memuaskan apabila 17.96% daripadanya mengalami pelbagai kerosakan dalam tempoh singkat dengan 236 unit lagi masih gagal dikembalikan semula kepada penerima.

3.4.2.3. Penyenggaraan Komputer

- a. Bagi tempoh bulan November 2012 hingga Disember 2013, MICTH telah menandatangani 3 perjanjian dengan Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) bagi kerja membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah dan menyenggara perkakasan dan perisian komputer yang keseluruhannya berjumlah 480 unit. Mengikut perjanjian tersebut, MICTH perlu menyenggara kesemua 480 unit komputer tersebut dalam tempoh jaminan sebagaimana di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8

**Perjanjian Antara MICTH Dan JKMM Serta Tempoh Penyenggaraan Komputer
Yang Perlu Dilakukan**

Bil.	Jenis Kerja	Tarikh Perjanjian	Penyenggaraan		Bil. Komputer (Unit)
			Tempoh	Kekerapan	
1	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menyenggara 200 Unit Perkakasan Dan Perisian Komputer Dan Pencetak	Nov 2012	1.12.2012 hingga 30.11.2015	2 kali setahun	200
2	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menyenggara 100 Unit Perkakasan Dan Perisian Komputer	15.7.2013	15.7.2013 hingga 14.9.2016	Tidak Dinyatakan	100
3	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah dan Menyenggara Perkakasan Dan Perisian Komputer Sebanyak 180 Unit	18.12.2013	1.10.2013 hingga 30.9.2016	3 kali setahun	180
Jumlah					480

Sumber: MICTH

- b. Semakan Audit mendapati, 480 unit komputer yang telah diagihkan kepada 57 Jabatan Negeri, telah disenggara oleh MICTH sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian. Lawatan Audit pada bulan Jun 2014 ke 18 Jabatan Negeri yang menerima agihan komputer ini melibatkan 199 unit keseluruhannya mendapati komputer dalam keadaan baik. Komputer dan pencetak yang dibekalkan adalah seperti di **Gambar 3.9**.



Gambar 3.9
Komputer Dan Pencetak Yang Dibekalkan Oleh MICTH Kepada JKMM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin
Tarikh: 4 Jun 2014

Pada pendapat Audit, penyenggaraan perkakasan dan perisian komputer di JKMM oleh MICTH adalah baik kerana dilakukan secara berkala seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

3.4.2.4. Projek LED TV Display Di Batam, Indonesia

Projek *LED TV Display* di Batam, Indonesia adalah hasil usahasama yang dimeterai antara Kerajaan Negeri Melaka melalui MICTH dengan pemerintah Kepulauan Riau yang

diwakili oleh PT Pembangunan Kepri (PPK) dalam bidang pembangunan ICT untuk manfaat masyarakat Batam. LED TV yang dipasang di Simpang Kabil, Batam, Indonesia telah dirasmikan pada 11 November 2010 oleh YAB Ketua Menteri Melaka dan Bapak Gabenor Kepulauan Riau. Kos pemasangan sebanyak RM0.24 juta dibiayai sepenuhnya oleh MICTH.

a. Hasil Keuntungan Operasi Tidak Pernah Diperoleh

Mengikut Perjanjian Kerjasama Pemasangan, Pengoperasian dan Pemasaran LED Screen TV antara MICTH dengan PPK, 90% daripada pendapatan bersih operasi LED TV melalui pengiklanan akan diberikan kepada MICTH. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa MICTH pernah menerima hasil pengiklanan daripada pembahagian keuntungan ini. Semakan Audit selanjutnya mendapati MICTH telah menamatkan perjanjian dengan PPK pada bulan Jun 2011 kerana PPK gagal melaksanakan operasi dan pemasaran LED TV seperti dalam perjanjian hingga MICTH perlu menanggung semua kos berkaitan. Bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2011, MICTH terpaksa menanggung kos bil utiliti elektrik berjumlah RM74,352. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014, menyatakan MICTH tidak memperoleh sebarang pendapatan untuk projek ini kerana tiada sebarang iklan yang telah dipaparkan di LED TV tersebut.**

b. LED TV Hilang

- i. Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bilangan 2 tahun 2013 pada 20 Jun 2013, LED TV yang dipasang ini dimaklumkan telah hilang. Oleh itu, mesyuarat telah memutuskan pengurusan membuat laporan khas secara terperinci berhubung kehilangan ini. Selain itu, 2 orang Ahli Lembaga Pengarah MICTH dan Ketua Pegawai Eksekutif telah diarahkan untuk pergi ke Batam untuk melihat keadaan projek di sana. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menyemak sebarang laporan berkaitan kehilangan LED TV ini. Laporan polis juga tidak dibuat oleh MICTH kerana dokumen berkaitan LED TV yang diperlukan tidak lengkap.
- ii. Semakan Audit juga mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah bilangan 4 tahun 2011 bertarikh 19 April 2011 telah bersetuju untuk menjual LED TV secara sewa beli kepada PT Bintan Biru Infotek pada harga RM0.30 juta dengan tempoh bayaran 3 tahun. Kelewatan menandatangani perjanjian sewa beli sehingga LED TV dilaporkan hilang telah merugikan MICTH. MICTH terpaksa menanggung semua kerugian akibat kehilangan kerana tiada sebarang perjanjian telah ditandatangani antara MICTH dan mana-mana pihak di Batam selepas Perjanjian Kerjasama dengan PT Pembangunan Kepri (PPK) telah dibatalkan. LED TV yang hilang dan bekas tapak LED TV di Simpang Kabil, Batam adalah seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**.

Gambar 3.10
LED TV Yang Dipasang
Di Batam, Indonesia



Sumber: MICTH
Lokasi: Simpang Kabil, Batam, Indonesia

Gambar 3.11
Bekas Tapak LED TV Yang Hilang



Sumber: MICTH
Lokasi: Simpang Kabil, Batam, Indonesia

iii. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014, menyatakan MICTH telah mengadakan lawatan pada 5 Julai 2013 dan telah melantik wakil peguam di Batam untuk menyelesaikan isu kehilangan LED TV tersebut. Memandangkan kos guaman yang terlalu tinggi iaitu sebanyak USD12,000, Ahli Lembaga Pengarah mengarahkan untuk membuat laporan polis di Malaysia. MICTH sedang menyediakan dokumen untuk membuat laporan polis berkenaan.**

Pada pendapat Audit, Projek LED TV Display di Batam, Indonesia adalah tidak memuaskan kerana MICTH tidak memperoleh sebarang pulangan hasil. Sebaliknya MICTH terpaksa menanggung kerugian apabila LED TV yang dipasang telah hilang dan tiada tindakan atau tuntutan dapat dibuat.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk diperaktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

3.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Merujuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ahli Lembaga Pengarah digalakkan kerap bermesyuarat dan segala isu yang dibincangkan direkodkan dengan lengkap supaya ia

boleh dirujuk semula bagi memahami keputusan yang telah diambil. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah MICTH telah diadakan sebanyak 9 kali pada tahun 2011, 7 kali pada tahun 2012 dan 2 kali pada tahun 2013.

3.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Mengikut Amalan Terbaik setiap syarikat Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Semakan Audit mendapati MICTH tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit seperti mana yang ditetapkan.

3.4.3.3. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perunding secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi syarikat. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati MICTH tidak menubuhkan Unit Audit Dalam. Bagaimanapun pengurusan MICTH telah diaudit oleh Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam (BADSA), Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka pada bulan September 2013 berhubung pengurusan perolehan projek-projek ICT.

3.4.3.4. Standard Operating Procedures

Standard Operating Procedures (SOP) yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia merupakan bahan rujukan pegawai dalam melaksanakan tugas sehari-hari. SOP ini perlu mengandungi maklumat seperti latar belakang syarikat, objektif, fungsi, prosedur kewangan, prosedur dalam aktiviti yang dilaksanakan dan prosedur berkaitan. SOP yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati MICTH telah mewujudkan SOP yang merangkumi prosedur kerja bagi unit pengurusan dan sumber manusia, unit kewangan, unit pembangunan perisian, unit digital kreatif multimedia, unit pengiklanan digital dan unit menara telekomunikasi.

3.4.3.5. Pembayaran Dividen

- a. Dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan menetapkan dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati MICTH tidak membayar dividen kepada pemegang saham bagi tahun kewangan 2011 dan 2013 walaupun syarikat

mempunyai keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.62 juta dan RM1.04 juta. Bagaimanapun pembayaran dividen telah dibuat pada tahun 2012 dengan jumlah RM0.30 juta kepada Tabung Amanah Melaka dengan keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.68 juta.

- b. **Maklum balas MICTH bertarikh 22 Ogos 2014, menyatakan keputusan pembayaran dividen kepada pemegang saham iaitu Tabung Amanah Melaka adalah berdasarkan keputusan Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka, MICTH sentiasa membantu memberi sumbangan seperti sumbangan bulanan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Melaka (MAFA) sebanyak RM10,000 sebulan, perkhidmatan percuma untuk penggunaan *LED Mobile* bagi program-program seperti Sambutan Hari Melaka Bersejarah, Hari Kemerdekaan, Hari Raya dan sebagainya. Selain itu, MICTH juga telah menaja *scoreboard* di Stadium Hang Jebat.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat adalah baik kerana mematuhi peraturan/amalan terbaik berkaitan tadbir urus korporat.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan syarikat telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan adalah disyorkan supaya MICTH mengambil langkah-langkah berikut:

- 3.5.1.** MICTH perlu memastikan setiap menara telekomunikasi/struktur sistem pemancar disenggara dan mempunyai permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya ia dapat beroperasi secara sah.
- 3.5.2.** MICTH perlu mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan semula Komputer 1Malaysia atau ganti rugi terhadap 236 unit komputer rosak yang masih belum dipulangkan oleh kontraktor.
- 3.5.3.** Perjanjian kerjasa ma bagi sesuatu projek hendaklah segera ditandatangani bagi melindungi kepentingan MICTH supaya kes kerugian seperti kehilangan LED TV Batam tidak berulang dan dapat dielakkan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

19 September 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my